# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 27 BILANGAN 19 | RABU 12HB MEI, 1982. | رابو 18 رجب 1402 | PERCHUMA


# LEBEH 30 ACHARA DI-SUSUN SEMPENA PUJA USIA BAGINDA KE-36 TAHUN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh dari 30 achara telah di-susun bagi sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Diper-tuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang ke-36 tahun bagi Daerah Brunei-Muara.

Antara achara2 kemunchak yang akan di-adakan sa-masa perayaan tersebut termasok-lah temasha lumba perahu di-Sungai Brunei dan perarakan tanglong berjalan kaki, kereta dan basi-kal berhias.

Penetapan achara sambutan ini telah di-putuskan dalam ma-shuarat pembentokan Jawatan-kuasa Tertinggi Perayaan yang telah di-adakan di-Pusat Belia baru2 ini.

Mashuarat tersebut telah di-hadhiri oleh pegawai2 kanan Kerajaan, pengurus2 sharikat perniagaan, wakil2 kaum, Peng-hulu2 dan Ketua2 Kampong.

Hampir keselurohan jawatan-kuasa tertinggi yang lama telah di-pileh semula bagi menganggo-tai jawatankuasa tertinggi tahun ini.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.



YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Mashuarat pada hari itu juga telah bersetuju menjunjong Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah sa-bagai Penaong Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Baginda Sultan pada tahun ini.

Yang Amat Berhormat Pe-mangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar di-lantek sa-bagai Penasehat.

Mashuarat tersebut juga telah memileh semula Pegawai Dae-rah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar selaku Pengerusi Tertinggi.

Y.B. Pehin Jawatan Luar Pe-kerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah Kebaji-kan, Belia dan Sokan di-lantek sa-bagai Timbalan Pengerusi Tertinggi I dan Awang Aliakbar bin Abu Bakar, Penolong Pega-wai Daerah Brunei-Muara di-lantek sa-bagai Timbalan Penge-rusi Tertinggi II.

Awang Othman bin Damit di-lan-tek sa-bagai Setiausaha Agong. Be-liau di-bantu oleh dua orang sa-bagai Timbalan Setiausaha Agong. Mereka ia-lah Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim dan Awang Haji Zainal Abidin bin Mohd Tahir.

Bendahari Agong ia-lah Awang Haji Hapidz bin Pehin Laksamana Haji Abdul Razak. Sementara Awg Lim Beng Siong dan Awang Ang Swee Chuan masing2 di-lantek sa-bagai Timbalan Bendahari Agong I dan II.

Awang Haji Othman bin Haji Yaakob di-lantek sa-bagai Pengawas Am sementara Pegawai Pemerentah Pulis Daerah di-lantek sa-bagai Pe-ngerusi Jawatankuasa Keselamatan.

Dua orang di-lantek sa-bagai Pe-mereksa Kira2. Mereka ia-lah YDM Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof bin Tahir dan Awang Haji Moksin bin Pukul.

## MAJLIS PENUTOP KURSUS SIVIK

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pe-hin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awg Abdul Rahman bin Dato Setia Awg Haji Mohd Taib akan merasmikan pe-nutop Kursus Sivik Pega-wai2 Kerajaan dalam satu majlis yang akan di-ada-kan di-Pusat Belia pada hari Selasa, 18hb Mei jam 2.30 petang.

Kursus yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kera-jaan dengan kerjasama Ja-batan Perjawatan itu di-adakan dalam tiga kum-polan. Kumpolan per-tama dan kedua di-adakan dalam bulan Mach dan April sementara kumpolan ketiga akan di-adakan pa-da 16hb Mei ini. Kira2 500 orang pegawai dalam Bahagian II, III dan IV menyertai kursus tersebut.

Setiausaha Kursus, Awg Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd Safar meminta semua peserta kursus supa-ya hadhir ka-Pusat Belia pada 18hb Mei jam 2.00 petang. Mereka hendak-lah memakai pakaian cha-ra Melayu.

## $60 ribu utk hadiah peraduan penulisan

**Oleh: Timbang Bakar**

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Kerajaan telah memperuntokkan lebeh $60,000 untok hadiah2 peraduan menulis novel, cherpen, sajak dan puisi kanak2 sempena kemerde-kaan 1983. Demikian telah di-umomkan oleh Pengi-ran Badaruddin bin Pengi-ran Ghani, Pengarah De-wan Bahasa dan Pustaka dalam Majlis Perjumpaan di-antara penulis2 dengan Ahli2 Jawatankuasa per-aduan yang berlangsong di-Bilek Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada hari Ahad 2hb. Mei lepas.

Pemenang pertama da-lam peraduan menulis no-vel akan menerima hadiah sa-banyak $15,000.00 ke-dua $10,000.00 ketiga $5,000.00 dan empat hadi-ah penghargaan masing2 bernilai $2,500.00 Tarikh tutop untok peraduan ini ia-lah pada 31hb. Januari 1983 sementara keputus-an-nya akan di-umomkan selewat2-nya pada bulan April, 1983.

Sementara hadiah bagi peraduan menulis cherpen pula ia-lah tempat pertama $2,000.00, kedua $1,500.00, ketiga $1,000.00 dan em-pat hadiah penghargaan masing2 bernilai $500.00. Tarikh tutop untok pera-duan ini ia-lah pada 31hb. Julai, 1982 sementara ke-putusan-nya akan di-umomkan dalam bulan September, 1983.

Pemenang2 dalam per-aduan menulis sajak pula tempat pertama, kedua dan ketiga masing2 akan menerima hadiah sa-ba-nyak $3,000.00, $2,000.00 dan $1,000.00. Di-samping itu empat hadiah penghar-gaan juga akan di-berikan yang masing2 bernilai $500.00.

Manakala hadiah2 ber-nilai $3,000.00, $2,000.00 dan $1,000.00 akan di-per-untokkan kapada peme-nang2 dalam peraduan menulis puisi kanak2. Ha-diah penghargaan masing2 bernilai $500.00 kapada empat peserta akan juga di-berikan. Sajak2 untok peraduan tersebut hendak-lah di-hantar kapada pe-hak penganjor tidak lewat dari 31hb. Ogos, 1982 se-mentara keputusan-nya akan di-umomkan dalam bulan Nobember, 1982.

### Manis-nya Iman

"KURANG sifat malu itu sa-bahagian dari tanda kurang beragama."—HA-DITH Nabi riwayat At-Tarmizi daripada 'Uqbah bin 'Amir.



**PAMERAN** sempena Jubli Perak Radio Brunei di-lanjutkan sa-hingga 6hb Jun depan. Pameran yang sepatut-nya berakhir pada 9hb Mei, di-lanjutkan atas permintaan ramai.

Pameran tersebut di-adakan di-bangunan lama RTB. Ia-nya mengandongi antara lain alat2 siaran yang mula2 di-gunakan oleh Perkhidmatan Radio, pita2 dan piring2 hitam lama serta gambar2 yang merakamkan kegiatan2 dan periste-wa2 dalam tempoh 25 tahun.

Pameran tersebut telah di-rasmikan oleh YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, bekas Menteri Besar dan juga bekas Pengarah Penyiaran dan Penerangan, pada 2hb Mei yang lalu.

Gambar atas kelihatan Yang Amat Mulia menyaksikan piring2 hitam lama yang di-pamerkan sa-telah Yang Amat Mulia menyempurnakan perasmian pameran tersebut.

## Pertandingan Membacha Al-Kor'an

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pertandingan Membacha Al-Kor'an Ba-hagian Dewasa perengkat negeri tahun ini akan di-adakan di-Dewan Raya RTB di-sini.

Pertandingan tersebut akan di-langsongkan sa-lama dua hari ia-itu pada 13hb. dan 14hb. Jun mulai jam 8.15 malam.

Saperti biasa pertandi-ngan tersebut akan di-siar-kan sa-chara langsong me-lalui radio dan talivishen.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

12HB MEI, 1982

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENYERTAAN RAAYAT :

## LAIN PADANG LAIN BELALANG

Negeri ini sedang giat di-majukan. Dalam memajukan-nya itu Kerajaan dan raayat di-katakan sedang berganding bahu. Kedua2 pehak ia-itu Kerajaan dan raayat mempunyai objektif yang sama ia-itu bagi meninggikan taraf hidup raayat dan meningkatkan kemajuan negara.

Tentu tidak lagi di-pertikaikan betapa raayat sedang menikmati hasil kemajuan yang di-chapai setakat ini. Dan tidak juga di-ragukan betapa raayat memberikan kerjasama dalam memungkinkan kemajuan yang berterusan.

Sekali pun dalam hal2 tertentu sikap raayat terhadap Kerajaan sukar di-kesan chorak dan bentok-nya, namun kerjasama mereka ada-lah di-ertikan sa-bagai sokongan kapada dasar2 Kerajaan pada keseluruhan-nya.

Tinggal lagi bagi setengah2 orang, sokongan dalam bentok kerjasama sahaja tidak chukop melainkan dengan penyertaan raayat sa-chara aktif dalam hal ehwal Kerajaan.

Memang kita tidak menafikan betapa penting-nya penyertaan raayat di-tingkatkan di-masa hadapan. Tapi patut-lah di-fahami dan sentiasa di-insafi bahawa penyertaan raayat dalam memajukan diri mereka dan mengembangkan negeri ini tidak semesti-nya dalam bentok dan chara yang di-amalkan di-negeri2 lain. Sebab tidak semua-nya dan tidak semesti-nya apa yang sesuai bagi orang dan negara mereka akan sesuai pula untok kita. Selain dari itu amalan konsep 'penyertaan raayat' itu sendiri sedang berubah2 dan mengambil bentok menurut iklim sosio-politik sa-sebuah negara. Lalu tidak-lah ganjil bagi kita di-negeri ini memikirkan dan menentukan bentok dan chorak yang sesuai dengan iklim kita.

Setakat sekarang pun sudah ternyata bahawa penyertaan yang berbentok kerjasama itu sangat mendatangkan kesan yang baik. Dapat di-lihat bahawa sunggoh pun Kerajaan kita bukan kerajaan yang di-pileh namun ia tidak terhalang daripada memberikan khidmat yang di-kehendaki oleh raayat dan raayat sendiri tidak terhalang daripada menikmati khidmat Kerajaan sa-chara menyeluroh.

Hanya oleh kerana dalam menchapai kemajuan yang di-hasratkan untok raayat dan negeri ini kita tidak dapat mengelak daripada tuntutan2 perubahan maka apa pun pilehan kita nanti hendak-nya ia akan menyebelahi kepentingan kita yang sa-benar. Dengan itu baharu-lah kemajuan yang akan kita chapai di-masa hadapan itu benar2 kemajuan yang di-kehendaki yang tidak di-bayar dengan mengorbankan sifat dan chiri utama kenegaraan kita.

# RADIO BRUNEI MAINKAN PERANAN PENTING TERHADAP USAHA2 K'JAAN

**BERIKUT ia-lah uchapan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib sa-masa merasmikan Sambutan Jubli Perak Perkhidmatan Radio Brunei pada 2hb Mei yang lalu.**

Dalam upachara saperti yang kita hadhiri malam ini ada-lah sesuai bagi kita untok menoleh ka-belakang menyingkap lambaran sejarah ter-utama-nya mengenai dengan pengalaman2 yang sudah kita lalui dalam tempoh yang di-maksud-kan. Tentu-lah kita maseh ingat ia-itu 25 tahun yang lalu Radio Brunei telah mula memancharkan ranchangan2-nya dan memulakan pergerakan-nya dari sa-buah bangunan sementara yang kechil dengan ke-mudahan2 yang terhad di-satu tapak yang terletak di-antara Pejabat Besar Pos dan Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan. Saya sendiri maseh ingat yang mana pada ketika itu ruangan Lagu2 Permintaan ada-lah satu2-nya ruangan yang di-tunggu2 dan di-minati ramai. Nyata-lah ketika itu bahawa nama2 juru-hebah2 mulai di-sebut dalam majlis2 perkumpolan orang ramai. Ranchangan2 yang di-terbit-kan oleh juruhebah2 ketika itu saperti Pengiran Mohammad bin Pengiran Damit Matserudin, Dayangku Intan bte Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Awang Haji Abu Bakar bin Ahmad dan Awang Haji Abdul Wahab bin Mohammad pada mithal-nya telah mula di-per-bualkan dan di-per-binchangkan oleh pen-dengar2 di-merata tanah ayer. Hasil2 terbitan ini di-ikuti pula ranchangan2 yang di-keluarkan oleh juruhebah2 saperti Dayangku Mariam bte Pengiran Metali, Dayang Hajjah Zainab bte Haji Zainal Abidin, Awang Haji Yussof bin Haji Abdul Kadir dan lain2-nya yang mana telah semakin hangat menarek minat awam bukan sahaja di-negeri ini malah juga di-wilayah2 jiran.

### USAHA BESAR

Mulai daripada sa'at itu tadi Radio Brunei telah mula memikul satu tugas kenegaraan yang sangat penting yang mana di-bebankan oleh Kerajaan kapada-nya. Hasil yang nyata yang telah di-chapai oleh Radio Brunei sa-sudah berusia 25 tahun kapada kita semua ada-lah bahawa alat penyibaran ini sudah merupakan satu perkara yang tidak asing lagi dalam kehidupan kita sa-hingga ia di-terima sa-bagai sa-bahagian daripada kegiatan hidup sa-hari2. Mendengar Warta Berita, menekmati lagu2, mengikuti sharahan2 dan sa-umpama-nya melalui radio ada-lah sekarang satu unsor kehidupan di-negeri ini yang tidak di-persoalkan lagi. Saya kira dengan ada-nya keadaan ini maka dapat-lah kita menyatakan bahawa Radio Brunei bukan saha-ja telah dapat menimbulkan kesan yang kukoh dalam kehidupan kita tetapi juga telah dapat menimbulkan sifat-nya yang tersendiri dalam ke-hidupan kita sekarang.

Dari sudut lain dapat kita lihat bahawa dengan chara-nya yang tersendiri Radio Brunei telah berjaya memberikan khidmat-nya dalam usaha besar kera-jaan untok memelihara keamanan dan kestabilan negeri ini dan meningkan keyakinan raayat terhadap usaha2 berkeba-jikan kerajaan dalam ber-bagai2 bidang pada waktu2 tertentu sa-panjang tempoh yang sudah di-lalui oleh Negeri Brunei yang sama2 kita chintai ini. Radio Brunei telah memainkan peranan yang bukan kechil erti dan nilai-nya dalam usaha kerajaan untok memupok perkembangan2 ugama, bahasa dan kebudayaan yang mana melambangkan negeri kita dalam rantau ini.

### TIDAK SAMA

Hakikat kejayaan ini menjadi kebanggaan kapada kita semua dan tahap keadaan yang sudah di-chapai oleh Radio Brunei ini ada-lah chontoh tauladan yang sa-baik2-nya dan pendorong serta perangsang yang sa-kuat2-nya bagi bukan sahaja Radio Brunei dalam ke-adaan-nya yang ada sekarang supaya lebeh bergiat memainkan peranan-nya dalam menempoh tahun2 lapan-pulohan dan tahun2 yang akan datang ini tetapi juga sa-bagai chontoh tauladan yang amat elok kapada semua jabatan2 Kerajaan yang lain yang memikul tanggong-jawab masing2 untok membangun negeri ini membawa kema'amor-an, dan kesejahteraan hidup kapada raayat dan pendudok negeri ini sa-chuchok dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan jua.

Sa-bagaimana kita sedia maalom keadaan 25 tahun yang lalu tidak-lah sama dengan keadaan yang kita hadapi ini. Sa-bagaimana yang sudah saya nyatakan Radio Brunei telah mula memancharkan ranchang-an2-nya dari sa-buah bangunan yang kechil dan terhad. Sekarang, sa-sudah 25 tahun, kita melaksanakan upachara ini dalam sa-buah bangun-an yang indah berhawa dingin, dengan lampu2 yang berwarna-warni, di-kelilingi oleh alat2 yang baru dan lengkap. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan beberapa tahun yang lalu telah mengubah chorak jabatan yang dulu-nya mentadbir Radio Brunei dengan me-mulakan pemancharan talivishen yang mana Jabatan ini sekarang ada-lah di-kenal sa-bagai Jabatan Radio dan Tali-vishen. Peranan radio dengan ada-nya peman-charan talivishen serba sedikit agak berubah sifat-nya. Walau macham mana pun, tidak-lah dapat di-anggap bahawa kegunaan-nya sudah berkurangan atau penting-nya sudah tiada. Dengan ada-nya pemancharan talivishen dan penyiaran radio maka kedua2 yunit ini sekarang memainkan peranan yang tersendiri yang mana penting-nya pada hemat saya ada-lah sama tara-nya dan tujuan mengadakan kedua2 perkhidmatan ini pada asal-nya ada-lah sama. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan perchaya bahawa kedua2 yunit ia-itu Radio dan Talivishen akan dapat saling membantu dalam bidang masing2 dengan memberikan perkhid-matan yang penoh ber-kebajikan yang bermutu tinggi sesuai dengan dasar2 Kerajaan dan kepentingan2 untok me-menohi selera dan kehen-dak2 ra'ayat dan pen-dudok negeri ini. Jabatan Radio dan Talivishen sa-bagai sa-buah Jabatan kerajaan dan kedua2 yunit radio dan talivishen sa-bagai alat2 sebaran am kepunyaan penoh Kera-jaan ada-lah di-maksud-kan untok bergiat dalam lapangan2 dan usaha2 yang sudah di-tentukan oleh Kerajaan yang mana Kerajaan sa-penoh-nya perchaya bahawa jabatan ini berupaya untok me-laksanakan-nya. Kerajaan telah menambah kemam-puan jabatan ini dengan memberikan kemudahan2 yang sophisticated yang mana ada kala-nya kemudahan2 itu belum terdapat di-negeri2 lain dalam rantau ini; Kera-jaan telah mendatangkan orang2 yang mahir bukan sahaja untok menjalankan tugas2 masing2 tetapi juga untok melateh anak2 tem-patan dalam bidang2 ter-tentu yang mana kita tidak mempunyai pengalaman atau pun pengetahuan un-tok melaksanakan-nya. Dengan ada-nya ke-ikhlasan dan per-sefahaman semua pehak terutama-nya di-kalangan pegawai2 dan kakitangan Radio dan Talivishen Brunei sekarang tujuan suchi Kerajaan dalam memperbesarkan jabatan ini dan menambah ke-mampuan2-nya, 'insha Allah' akan berjaya di-chapai. Hanya dengan chara sa-demikian, Ja-batan Radio dan Tali-vishen akan dapat me-nempoh waktu2 yang akan datang dengan penoh ke-yakinan akan kebolehan-nya yang mana ada-lah di-akui bahawa peranan yang akan di-mainkan dalam tahun2 yang akan datang ini akan lebeh menchabar, akan lebeh berat, akan memerlukan usaha yang lebeh ranchak yang mana memerlukan pengorbanan dan tenaga yang lebeh banyak.

### PENGHARGAAN

Sa-belum saya menutop uchapan saya ini, izinkan-lah saya mengambil kesempatan ini juga untok menyatakan peng-hargaan kapada pegawai2 dan kakitangan Radio Talivishen Brunei terutama-nya kapada mereka yang telah berkhidmat sejak tertuboh-nya alat sebaran am radio — 25 tahun yang lalu. Saya perchaya khidmat bakti yang telah di-churahkan memberikan kepuasan kapada semua pehak yang mana hasil-nya telah dapat di-lihat oleh semua kita dan dalam sejarah hidup kita yang sangat pendek ini, kejayaan sa-demikian akan di-ukir menjadi rista'an kapada jenerasi2 yang akan datang. Saya dengan ikhlas turut berbangga dan dengan tulus ikhlas juga turut meng-uchapkan sa-tinggi2 tahniah kapada semua yang berkenaan. Saya juga ingin menguchapkan terima kaseh kapada Pengarah Radio dan Talivishen kerana menjemput saya hadhir dan memberikan saya penghormatan untok merasmikan perayaan sambutan ini. Kita sama2 berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengorniakan ke-jayaan kapada Radio dan Talivishen dalam menghadapi kewajipan2-nya di-waktu2 yang akan datang.

# DARI BALAI KERJA MUZIUM

# BAHAGIAN AKIOLOJI

## (SAMBONGAN)

Pengarah Muzium2 juga di-beri kuasa oleh Undang2 itu untok memereksa sebarang barang purbakala untok tujuan penyelidek saperti yang di-peruntokkan dalam Bab 35:

*Pengarah atau sebarang Pegawai yang telah di-benarkan oleh-nya sechara bertulis bagi maksud itu boleh pada bila2 masa pun yang berpatutan memereksa sebarang barang purbakala atau harta terpendam dalam pegangan sebarang orang; dan akan menjadi kewajipan tiap2 orang yang sedemikian untok membenarkan pemereksaan yang sedemikian untok membenarkan pemereksaan yang sedemikian semua kemudahan2 yang berpatutan untok mengkaji barang purbakala yang sedemikian atau harta terpendam dan untok membuat lukisan2, gambar2, tekapan atau turunan terhadap-nya dengan membuat achuan2 atau dengan sa-barang jalan2 lain.*

*Semua kesalahan atau perlanggaran terhadap peruntokan2 yang terdapat dalam Undang2 Barang2 Purbakala dan Harta Terpendam, 1967 itu boleh di-dakwa di-dalam mahkamah, dan jika thabit kesalahan-nya saseorang itu akan di-denda atau di-penjara atau kedua-dua-nya sekali.*

### PENGGALIAN2 YANG TELAH DI-LAKUKAN

**a. Kota Batu**

Kawasan ini telah di-gali sejak tahun 1953. Hasil-nya begitu menggalakkan. Pulohan ribu pechahan tembikar telah di-dapati berserta dengan wang2 siling, bahan2 kayu, manek2 dan lain2. Tinggalan2 bentok kayu dan batu (mungkin bahagian2 daripada kota) juga telah di-temui. Tembikar2 kebanyakan-nya bertarikh abad ke-15-16 Masehi, yang menunjokkan Kota Batu di-diami dan perdagangan-nya dengan negeri China dan negeri2 Asia Tenggara yang lain ada-lah berjalan dengan pesat-nya. Pada tahun 1979 kawasan ini di-gali lagi. Hasil daripada kerja ini susunan batu2 besar, ia itu bahagian daripada kota telah di-jumpai. Laporan2 penggalian dan analisa2 ka-atas hasil2 penggalian di-kawasan ini telah pun di-terbitkan dalam Jernal Muzium Sarawak, Jernal Muzium Brunei dan Berita Muzium.

**b. Sungai Lumut**

Penggalian kawasan ini bermula sejak tahun 1968. Hasil-nya begitu menggalakkan. Ribuan pechahan tembikar telah di-dapati. Manek2 ada-lah bahan yang kedua banyak-uya. Kebanyakan daripada tembikar2 itu bertarikh abad ke-15 Masehi. Laporan penggalian tersebut telah di-terbitkan dalam Jernal Muzium Brunei (1969), dan menurut penulis2-nya kawasan yang di-gali itu ada-lah kawasan perkuboran berasaskan kapada kebanyakan daripada buntut2 tembikar di-kawasan itu mempunyai lobang, ia-itu bagi memudahkan danur si-mati yang di-masokkan ka-dalam-nya mengalir. Kawasan itu telah di-gali lagi dalam tahun 1978, dan keterangan2 akioloji yang di-dapati melalui penggalian itu ada yang berbedza dengan yang di-dapati dalam penggalian sa-belum-nya. Untok menguji lagi hipothesis2 yang di-kemukakan mengenai kawasan yang di-gali itu, Bahagian Akioloji telah mengali lagi kawasan itu dengan lebeh dalam dari 8hb. Februari hingga 11hb. March tahun ini. Hasil-nya ada-lah

## Siri ke-5

lebeh menggalakkan dan menarek hati daripada hasil2 yang di-dapati daripada penggalian2 di-tahun2 1968 dan 1978. Keterangan2 yang di-dapati dalam penggalian tahun 1982 ini boleh memberikan gambaran yang konkret serta penafsiran yang berbedza daripada apa yang di-kemukakan lebeh awal dahulu. Laporan mengenai penggalian dalam tahun 1978 itu telah pun di-terbitkan dalam Penerbitan Khas Muzium Brunei (1981), sementara laporan penggalian yang telah di-jalankan baru2 ini sedang dalam penyusunan-nya sekarang.

**c. Kupang**

Kawasan ini terletak di-Daerah Brunei/Muara, ia-itu tidak jauh daripada kawasan Limbang. Penggalian di-kawasan ini di-lakukan pada tahun 1977. Hasil penggalian itu juga begitu menggalakkan, ia-itu hampir menyamai hasil yang di-dapati daripada Kota Batu. Daripada penafsiran ka-atas bahan2 akioloji yang di-dapati di-kawasan ini dapat-lah di-katakan bahawa Kupang ada-lah tempat kediaman yang di-dudoki dengan pesat-nya di-antara abad ke-10 dengan abad ke-13 Masehi (zaman Dinasti Sung, 960-1279 Masehi) kerana tembikar2 yang di-dapati daripada kawasan ini sa-bahagian besar-nya tergolong dalam zaman dinasti tersebut. Keterangan itu juga membayangkan bahawa pada waktu itu Kupang (Brunei) telah mempunyai hubongan dagang yang pesat dengan China Selatan dan negeri2 Asia Tenggara yang lain. Sa-lain daripada tembikar; wang2 siling, manek2 dan barang2 tembaga juga telah di-dapati di-kawasan penggalian ini. Laporan mengenai penggalian di-Kupang ini telah di-terbitkan dalam Penerbitan Khas Muzium Brunei (1981).

Semua keterangan2 yang di-dapati daripada penggalian2 yang tersebut di-atas dapat memberikan informasi mengenai hubongan (politik, sosial dan perdagangan) antara Brunei dengan negeri2 luar di-zaman silam, dan juga memberikan kita gambaran tentang kawasan2 purbakala di-zaman2 tertentu. Semua-nya ini dapat membantu kita dalam penulisan sejarah negara kita.

Sa-lain daripada itu penggalian kechil2an yang di-panggil "rescue archeology" telah juga di-lakukan di-banyak kawasan di-negeri ini.

Kelolaan

**ISMAIL BIN MOHAMMAD**
**Dengan kerjasama**
**AWG METUSSIN BIN OMAR**
**Kurator Akioloji, Muzium Brunei.**

Kawasan2 Purbakala Yang Telah Di-rekodkan Daerah Brunei dan Muara

| | Tapak | Tarikh Bahan2 |
|---|---|---|
| 1. | Kota Batu † | Dinasti2 Sung dan Ming |
| 2. | Tanjong Batu, Muara † | Dinasti2 Sung dan Ming |
| 3. | Kupang † | Dinasti2 Sung dan Ming |
| 4. | Mengsalut, Berakas † | Dinasti2 Sung dan Ming |
| 5. | Kg. Delitan † | Dinasti Ming |
| 6. | Jerudong (Sekitar Bukit Shahbandar) † | Dinasti Ming |
| 7. | Pulau Chermin † | Dinasti2 Sung dan Ming |
| 8. | Kg. Trunjing, Berakas (Tapak Airport baru) | Siam abad ke-15 |
| 9. | Bukit di-Bumbun, Subok | Dinasti Sung |
| 10. | Lubok Simpor, Pulau Muara Besar | Dinasti2 Sung dan Ming |
| 11. | Kg. Kiulap | Siam dan Vietnam |
| 12. | Jalan Gadong (Belakang Setor Negara) | Dinasti2 Ming dan Ching |
| 13. | Kawasan Projek Istana Baru | Dinasti2 Sung , Ming dan Ching |
| 14. | Sungai Besar | Dinasti2 Ming dan Ching |
| 15. | Anggerek Desa, Berakas | Siam abad ke-16, Dinasti2 Ming dan Ching. |
| 16. | Kg. Pulaie, Projek Stadium | Dinasti2 Sung dan Ming |
| 17. | Kilanas, Batu 8 | Dinasti Yuan |
| 18. | Kg. Masin, Limau Manis | Siam abad ke-16, Dinasti Ming |
| 19. | Kg. Bengkurong | Dinasti Sung |
| 20. | Kg. Mentiri | Dinasti2 Ming dan Ching |
| 21. | Makam di-Luba | Dinasti Ming |
| 22. | Sungai Hanching | Dinasti Ming |
| 23. | Kg. Manggis I | Dinasti Ming |
| 24. | Steshen Pertanian, Kilanas | Dinasti Sung |
| 25. | Kg. Lurong Sikuna | Abad ke-16 |
| 26. | Kg. Peramu | Abad ke-16 |
| | **Daerah Tutong** | |
| 1. | Tun Amas † | Dinasti2 Sung dan Ming |
| 2. | Kg. Bintudoh | Dinasti2 Sung dan Ming |
| 3. | Liaulon, Tg. Maya | Dinasti2 Sung dan Ming |
| 4. | Bukit Ranggu, Lamunin | Dinasti2 Ming dan Ching |
| 5. | Tasek Merimbun | Dinasti2 Ming dan Ching |
| 6. | Kg. Penulod, Tanjong Maya | Abad ke-18-19 |
| | **Daerah Belait** | |
| 1. | Sungai Lumut | Dinasti2 Sung dan Ming, Siam, abad ke-15 |
| 2. | Andulau, Sungai Liang | Dinasti2 Ming dan Ching |
| 3. | Kg. Penjarai, Kuala Balai | Dinasti Ming |
| | **Daerah Temburong** | |
| 1. | Kuala Sungai Garang | Siam abad ke-15, Dinasti2 Ming dan Ching |
| 2. | Bukit Telogong | Dinasti2 Ming dan Ching |

† Banyak bahan2 purbakala di-jumpai
Dinasti Sung 960 — 1279 Masehi
Dinasti Yuan 1280 — 1367 Masehi
Dinasti Ming 1368 — 1644 Masehi
Dinasti Ching 1644 — 1912 Masehi



Tinggalan2 purbakala yang telah di-bersehkan, di-keringkan dan di-lebal, semua-nya di-simpan dengan terator di-tempat khas.

### Bahagian Akioloji dan Pemeliharaan

Semua barang2 purbakala yang di-kumpolkan oleh bahagian Akioloji di-pelihara dengan baik dan terator. Sa-lain daripada melakukan rawatan yang mudah ka-atas-nya, barang2 itu juga di-rekod dan di-katalogkan dengan sistematik serta di-simpan di-tempat yang khas.

### Bahagian Akioloji dan Pelajaran

Semua hasil2 penyelidekan (penggalian, pengutipan dan perekodan) yang di-lakukan oleh Bahagian Akioloji ada-lah bagi keperluan pelajaran. Hal ini dapat di-jelaskan melalui rajah berikut:

### BAHAGIAN AKIOLOJI DAN PELAJARAN




### Ranchangan masa kini

1. Menumpukan kapada kerja2 penyelamatan ka-atas tinggalan2 purbakala melalui penggalian dan pengutipan.
2. Merekod serta membuat kerja2 lanjutan ka-atas bahan2 purbakala yang telah di-kumpolkan di-Musium Brunei saperti menyuchi, melabel, memperjeniskan, membuat laporan2, melukis rajah2 serta menyimpan-nya sa-chara sistematik ka-dalam tempat2 yang di-khaskan.
3. Menggali sa-chara beransor-ansor kawasan Kota Batu sa-takat yang terdaya oleh Bahagian Akioloji. Dalam penggalian yang di-lakukan tidak berapa lama dahulu, sa-bahagian daripada tembok batu telah di-dedahkan. Laporan rengkas mengenai-nya telah di-terbitkan dalam Berita Muzium, Bilangan 3, 1980.

### Ranchangan masa hadapan

1. Menggali sa-chara keselurohan kawasan Kota Batu sa-bagai keutamaan di-samping menggali kawasan2 purbakala yang lain. Projek ini ada-lah mustahak untok memahami lebeh mendalam lagi sejarah awal masharakat dan budaya kita yang kini maseh samar2, di-samping membantu Bahagian Sejarah dan bahagian2 lain di-Jabatan ini dalam penulisan dan penyusunan sa-mula sejarah negeri ini.
2. Memberseh serta menimbulkan sa-mula kawasan perusahaan arang batu di-Muzium yang hampir tertimbus, sa-bagai usaha untok menimbulkan ingatan kita terhadap salah satu daripada perusahaan awal di-negeri ini bagi mereka yang berminat dalam pengkajian sejarah ekonomi Brunei.
3. Menjadikan Muzium Brunei sa-bagai pusat pengajian pra-sejarah dan sejarah awal negeri Brunei yang lengkap, chekap dan authoritative. Daripada titek ini baharu-lah kita bertolak kapada tujuan untok menjadikan Muzium Brunei sa-bagai Pusat Pengajian Borneo.

### Masaalah yang di-hadapi

1. Kakitangan terlateh belum menchukopi terutama bagi perengkat tinggi dan menengah untok melakukan kerja2 penggalian yang lebeh meluas.
2. Keadaan chuacha di-negeri ini juga menyebabkan kerja2 penggalian agak lambat. Musim hujan yang kerap berlaku di-sepanjang tahun hanya membenarkan Bahagian Akioloji melakukan kerja penggalian sa-lama 4 bulan dalam sa-tahun, itu pun kadang2 terganggu oleh kerja2 lain yang perlu di-lakukan serta merta.

   Penggalian ada-lah suatu kerja yang rumit (delicate) dan perlu mengikut kaedah2 saintifik-nya. Alat2 yang di-gunakan bagi penggalian ia-lah sudip (trowel) dan kadang2 hanya menggunakan berus; jadi kerja itu nampak-nya lambat demi untok menjamin keilmiahan dan kesempurnaan kerja yang di-lakukan. Dengan itu dapat di-fahami bagaimana Bahagian Akioloji menghadapi masaalah chuacha ini dalam usaha menghadapi kerja2 penggalian bagi seluroh negeri.
3. Kurang-nya kerjasama daripada orang ramai. Banyak penemuan2 ka-atas barang2 purbakala tidak di-laporkan kapada pehak Muzium. Barang2 itu di-simpan begitu sahaja di-rumah2 tanpa di-rekod oleh pehak Muzium. Kalau pun ada yang di-laporkan, barang2 purbakala itu telah pun di-pindahkan daripada tapak asal mereka sa-belum pehak Muzium sampai ka-tempat penemuan itu. Dengan demikian segala keterangan yang mungkin di-dapati daripada keadaan asal bahan2 tersebut di-jumpai telah musnah; kerana tugas Bahagian Akioloji bukan-lah sa-mata2 mendapatkan barang2, akan tetapi lebeh daripada itu ia-lah merekod segala keterangan yang di-dapati daripada keadaan bagaimana barang2 itu terpendam di-dalam tanah sa-waktu di-jumpai.
4. Masaalah kekurangan ruang bagi menempatkan bahan2 akioloji.

# ILMU SHARA' ATAU ILMU ISLAM

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

### Siri ke-131

### ILMU YANG BUKAN SHARA'

ILMU yang bukan shara' itu ada kala-nya haram, ada kala-nya makroh, dan ada kala-nya Mubah (harus boleh di-buat dan boleh di-tinggalkan).

Maka ilmu haram itu sa-bagaimana telah di-tegaskan oleh jumhur Ulama ia-lah saperti belajar ilmu sihir, tiap2 ilmu yang membawa shak pada akidah, atau pada ugama Islam saperti kitab2 falsafah yang membawa shak pada akidah, kitab2 nujum dan kitab2 sha'bazah ia-itu perbuatan khayal yang datang dari pantas tangan sa-hingga mengelirukan pandangan mata dan ilmu tabi'at yang membawa shak pada akidah atau Islam. Haram-nya itu ada berbagai-bagai perengkat (saperti kitab2 Al-Israr Ibni Arabi, dan kitab Al-Israr Bahasa Melayu, dan kitab soal jawab Hassan Ahmad bahasa Melayu), yang mendatangkan shak dan ragu pada akidah dan pada Islam, pada fiqeh Islam, dan pada ulama Islam, dan saperti ilmu tari menari yang ada lintang lintok menyerupai orang Mukhannis. Maksud orang Mukhannis ia-lah orang Kedi ia-itu orang laki2 yang berperangai dengan perangai perempuan dari gerak-geri keadaan dan rupa.

### HARAM TARI MENARI

Demikian haram tari-menari samada daripada laki2 sahaja atau perempuan sahaja, atau yang ada champor gaul antara perempuan dan laki2, perbuatan saperti itu membawa kapada dayus, kuat dan fasik dan dosa besar dan sapah bagaimana tersebut dalam kitab Al-Ummu oleh Imam As-Shafie dan Kaffur Ra'aie An-Muharramatil-Lahwi Wassamaie oleh Al-Imam Ibnu Hajjar dan Manakib As-Shafie oleh Al-Imam Al-Baihaki (Meninggal Tahun 450 H).

### ILMU MAKROH

Ada pun ilmu yang Makroh itu saperti pantun dan sha'ir yang ada di-dalamnya chumbu2an chinta asmara dan menghabiskan masa dengan tiada berfaedah (bitalah) saperti sha'ir2 peranakan Arab. Ada pun pantun dan sha'ir yang berchampor laki2 dan perempuan dan ada yang membawa kerosakkan dan kejahatan dayus maka itu haram dan fisk dan sapah.

### ILMU HARUS

Ilmu yang harus (mubah) saperti sha'ir dan pantun yang tiada pada-nya kerendahan maruah, dan tiada pada-nya yang membawa makroh, dan tiada mengajak pada kejahatan dan dosa, dan tiada menegah dari melakukan kebajikan. Ada pun sha'ir2 Arab tulin, ada-lah ia ilmu Bahasa Arab dan ia satu bahagian dari perkara fardhu kifayah.

(bersambong)

*WALLAHU A'ALAM.*

# PERLU-NYA SEMUA PENDUDOK TAHU MEMBACHA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kemajuan sesuatu bangsa dalam sa-sebuah negara yang membangun kadang kala di-ukor dari jumlah pendudok-nya yang tahu membacha dan pandai menulis. Negara yang mempunyai bilangan pendudok-nya yang buta huruf sering kali di-golongkan ka-dalam katageri negara2 mundur kerana sa-chara tidak langsong golongan buta huruf ini tidak dapat memberikan apa2 jua sumbangan yang berharga terutama-nya di-bidang perkembangan ekonomi serta infra-straktor kemajuan negara yang kebanyakkannya amat memerlukan ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam.

Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka beruchap demikian sa-jurus sa-belum merasmikan Pameran Buku2 dan Akhbar2 Indonesia bertempat di-Balai Pameran, Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada hari Rabu 28hb. April lepas.

Jadi nyata-lah bahawa kemahiran pembachaan itu amat di-perlukan sekali bukan sahaja untok melengkapkan diri sendiri bagi keperluan sa-tiap individu dengan bekalan ilmu pengetahuan yang lebeh luas dan komplek bagi membolehkan-nya memberikan bakti dalam kemajuan negara.

"Semua orang mengakui bahawa sa-bahagian besar daripada ilmu pengetahuan dan kemahiran itu di-dapati dari pembachaan buku dan bahan2 berchetak yang lain," ujar Pengiran Badaruddin.

Berasaskan kenyataan ini, kata Pengiran Badaruddin lagi, sebagai satu bangsa kita perlu mempunyai strateji yang lengkap untok mempastikan raayat di-negeri ini mempunyai kebolehan membacha lebeh2 lagi dalam keadaan negara kita yang sedang ranchak membangun yang memerlukan tenaga mahir di-dalam berbagai2 bidang untok dapat menjalankan jentera pentadbiran Kerajaan dengan lebeh chergas, jujor dan amanah.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu berkata, buku untok di-bacha, bukan untok di-simpan. Kerana buku2 banyak mengandongi ilmu pengetahuan berguna, maka kita di-negeri ini perlu mempunyai suatu masharakat yang gemar membacha buku. Bagi menggalakkan orang ramai terutama jenerasi muda gemar membacha buku, usaha2 mengadakan pameran buku2 sangat2-lah di-galakkan, kata-nya.

Pameran Buku2, Majallah dan Akhbar2 Indonesia pada hari itu di-anjorkan oleh sa-buah sharikat penerbitan tempatan dimana lebeh lima belas ribu buku2 teks telah di-pamerkan termasok beberapa jenis majallah dan surat khabar dari Indonesia.

Pameran tersebut telah di-bukakan untok kunjongan orang ramai sa-lama sa-minggu.

## Perlawanan tinju

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Tinju Amator Negeri Brunei akan mengadakan perlawanan tinju pada 1hb dan 2hb Jun depan. Perlawanan tersebut akan di-adakan di-Pusat Belia.

Perlawanan tersebut terbuka kapada persatuan2 belia, maktab2, sekolah2, jabatan2 Kerajaan, firma2 dan orang2 perseorangan.

Peminat2 tinju yang ingin menyertai perlawanan tersebut boleh-lah mendapatkan borang penyertaan dari Awang Abdul Wahab bin Haji Tengah, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Awang Norshah bin Haji Abdulah, Pusat Belia, Awang Ismail Apong, JKBS Kuala Belait dan Pengiran Suhaimi bin Pg Haji Wahid, JKBS Pekan Tutong.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb Mei, 1982.

## *Angka tunjok harga barang2 pengguna*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buat pertama kali-nya Angka Tunjok Harga Barang2 Pengguna dalam bulan Mach tahun ini maseh tidak berubah ia-itu 135.7 peratus, jika di-bandingkan dengan bulan yang terdahulu ia-itu Februari, 1982. Tetapi jika di-bandingkan dengan angka tunjok bulan Mach, 1981, angka tunjok bulan Mach tahun ini ada-lah lebeh tinggi sa-banyak 7.7 peratus.

Kumpolan 'makanan' yang selalu menyebabkan kenaikkan angka tunjok barang2 pengguna telah menurun sa-banyak 1.8 peratus bagi bulan Mach tahun ini. Tetapi kejatohan yang besar ini tidak menurunkan angka tunjok harga barang2 pengguna oleh sebab kenaikan angka2 tunjok kumpolan2 lain, saperti 'alat2 perabot', 'perhiasan2 dan alat2 kelengkapan rumahtangga serta pemasangan-nya' telah naik sa-banyak 0.1 peratus.

Seterus-nya angka tunjok bagi 'permainan, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan2 kebudayaan' telah naik sa-banyak 0.3 peratus, dan 'barang2 dan perkhidmatan2 rampaian' telah naik sa-banyak 0.2 peratus. Sementara angka2 tunjok bagi kumpolan2 lain maseh tetap tidak berubah.

Barang2 yang menyebabkan jatoh-nya angka tunjok kumpolan 'makanan' ia-lah berbagai-bagai jenis ikan dan sayor2an, pisang dan kepayas. Bagi tempoh yang sama harga2 perkhidmatan2 chuchian kering, buku2 tex sekolah, bedak talkum dan minyak rambut telah juga naik.

## Sifat keBruneian perlu ada dalam perbahasan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Di-dalam perbinchangan atau perbahasan ada-lah tidak bersifat keBruneian jika kita membelakangkan tata susila yang sentiasa taat kapada Raja, ugama dan negara.

Beruchap ketika merasmikan peraduan bahas sekolah2 Persediaan Inggeris sa-negeri yang telah di-adakan di-SPI Mabohai di-sini pada hari Sabtu lepas, YB. Awang Haji Abd. Latif bin Abd. Hamid berkata sifat2 keBruneian yang berunsorkan taat kapada Raja, ugama dan negara ada-lah amat penting sekali dalam perbahasan pada menjaga keselamatan dan ketenteraman Negeri Brunei Darussalam ini.

Yang Berhormat ketika menyentoh mengenai kegiatan perbahasan antara sekolah2 menchadangkan kapada Jabatan Pelajaran supaya mengadakan perbahasan bagi pelajar2 di-Maktab2 Perguruan dan sekolah2 tertinggi di-negeri ini dengan membahaskan masaalah2 yang di-hadapi oleh orang ramai dan mereka sendiri.

Kerana, kata-nya, hasilnya bukan sahaja akan dapat menolong orang ramai untok mengerti atau lebeh faham satu2 perkara yang di-hadapi mereka bahkan juga akan mendapat sedikit sa-banyak menyelesaikan masaalah2 tersebut.

Terdahulu dalam uchapan-nya, Yang Berhormat menjelaskan bahawa peraduan bahas ada-lah satu2-nya aktiviti yang berguna pada menchungkil dan mengasoh kebolehan murid2 untok berdebat di-khalayak ramai dan sa-terus-nya dapat memupok sifat2 kepimpinan yang mungkin ada pada murid2 tersebut.

"Ada-lah amat perlu bagi tiap2 orang yang ingin membahaskan sa-suatu topik atau masaalah yang di-kemukakan sa-telah menganalisa-nya dari berbagai-bagai sudut," ujar Yang Berhormat.

"Satu2-nya sifat2 kepimpinan yang baik ia-lah memandang satu2 pendapat itu dari sudut mutu atau nas pendapat tersebut bukan-nya dari siapa atau dari mana asal-nya pendapat tersebut. Kalau pandangan itu betul ia-nya mesti di-terima sekali pun ia-nya datang dari sa-orang kanak-kanak," tegas Yang Berhormat itu lagi.

Yang Berhormat Awg. Haji Abd. Latif berharap dari hasil asohan itu nanti murid2 akan dapat sedikit sa-banyak mengasah daya penganalisaan yang tajam dan membolehkan sifat mahu mendengar dan menerima pendapat atau pandangan yang berasas sekali pun dari pehak lawan.

# SA-TIAP HAMBA ALLAH WAJIB BERTAUBAT

SESUNGGOH-nya telah di-ma'alomi bahawa kehidupan kita di-dunia ini ada-lah sentiasa terdedah kapada beranika macham maksiat dan kejahatan, ia-itu maksiat dan kejahatan yang boleh mendatangkan dosa kechil mahu pun maksiat dan kejahatan yang boleh mengakibatkan dosa besar daripada Allah s.w.t. kerana itu bagi mereka yang alpa dan lalai serta sudah pun leka dengan keseronokan dan kelazatan, maka senang-lah mereka itu di-tarek oleh perbuatan maksiat dan kejahatan tadi sa-hingga lupa kapada diri sendiri, lupa kapada tanggong-jawab dan lupa kapada segala2-nya termasok dosa dan pahala yang datang daripada Allah Taala.

Maksiat dan kejahatan yang boleh mendatangkan dosa kechil dan dosa besar, boleh jadi datang-nya daripada anggota mulut dan lidah kita, saperti jika kita menuturkan kata2 yang chabul, mengumpat, memfitnahkan atau pun memakan benda2 yang najis dan haram. Ia juga boleh datang dari pandangan mata kita apabila indera pemandangan tersebut kita gunakan untok melihat dan menyaksikan benda2 yang luchah serta di-haramkan oleh Allah.

Begitu juga anggota2 tuboh badan kita yang lain, saperti tangan, kaki, telinga dan sebagai-nya boleh membawa kapada maksiat dan dosa andai-nya ia-nya tidak dapat di-kawal dari melakukan suatu maksiat dan kejahatan itu. Begitu-lah kenyataan kehidupan kita di-dunia ini. Dunia yang penoh dengan bermacham2 chabaran dan dugaan.

Sesunggoh-nya akan berbahagia-lah setiap hamba Allah yang suchi daripada dosa dan noda, dan sa-balek-nya akan merana dan chelaka-lah pula hamba Allah yang hidup bergelumang dengan dosa pada sepanjang hayat mereka.

Sa-bagimana yang umat Islam sekalian telah maalom bahawa bapa dari sekalian manusia ia-itu Nabi Allah Adam a.s. telah pernah melakukan dosa dan melanggar larangan Allah s.w.t. bilamana Baginda memakan buah khuldi, sajenis buah yang di-larang oleh Allah untok dimakan. Tetapi kerana hasutan shaitan yang telah berjanji di-hadapan Allah untok memporakperandakan iman setiap orang Islam maka Baginda juga tidak terlepas daripada kesilapan duniawi lantas Nabi Adam telah di-hukum oleh Allah s.w.t. dengan di-keluarkan Baginda itu dari shorga kesenangan yang telah Baginda nekmati.

### SEDAR

Apabila Nabi Allah Adam sedar akan kesalahan Baginda, Baginda pun lantas melakukan taubat kehadrat Allah dengan menyesali segala perbuatan Baginda yang telah lalu, maka dari sini telah di-riwayatkan dari Al-Hassan beliau berkata: "Ketika Allah menerima taubat Nabi Allah Adam a.s. para malaikat telah menguchapkan selamat dan Jibril serta Mika'el a.s. turun kapada Baginda seraya berkata: "Hal Adam, tetapkan-lah hati mu sebab Allah Taala telah menerima taubat mu." Jawab Nabi Adam: "Hai Jibril jika sudah taubat ini ada pertanyaan, maka di-mana sebenar-nya kedudokan hamba", kemudian Allah memberi wahyu kapada Nabi Adam a.s., *"Wahai Adam, Ku warithkan kapada keturunan mu akan jereh payah dan upah dan Ku warithkan taubat akan mereka. Barang siapa di-antara mereka berdoa kapada Aku, pasti Aku kabulkan sebagaimana Aku mengkabulkan kamu dan barangsiapa memohon ampun Aku tidak berlaku bakhil ke-atas-nya. Sebab Aku dekat dan pengampun dosa. Wahai Adam, orang2 yang bertaubat di-bangkit dan di-kumpolkan dari kubor-nya dalam keadaan suka ria dan tersenyum simpul di-mana doa permohonan mereka di-kabulkan."*

Dari riwayat yang di-petek tadi jelas kapada kita bahawa amalan bertaubat itu ada-lah surat warithan yang kita pusakai sejak dari zaman Nabi Adam a.s. Maka sesunggoh-nya hukum bertaubat itu ada-lah wajib dan di-tuntut oleh shara' sebagaimana banyak keterangan yang di-berikan oleh al-Kor'an. Antara-nya Allah berfirman dalam surah An-Nur ayat 31 maksud-nya:

*"Bertaubat-lah kamu kapada Allah wahai orang yang beriman supaya kamu mendapat untong."* Dan Allah berfirman lagi dalam surah At-Tahrim ayat 8 yang bermaksud:—

*"Wahai orang yang beriman bertaubat-lah kamu kapada Allah dengan sesunggoh2-nya taubat."*

### MENYESALI

Ayat di-atas ada-lah menunjokkan perintah Allah s.w.t. tentang wajib-nya taubat itu di-laksanakan oleh sa-tiap hamba Allah tanpa ada kechualian sa-bagaimana tanpa ada kechuali bagi Nabi Allah Adam a.s. Maka dalam pada itu pula terdapat lagi sharat2 taubat itu yang wajib di-taati ia-itu: Harus-lah sa-seorang itu menyesali atas segala perbuatan yang telah terlanjur di-lakukan dan hendak-lah ia berniat bersunggoh2 untok tidak mengulangi perbuatan itu lagi.



Manakala jika dosa yang di-lakukan itu ada berhubong dengan hak manusia lain, maka hendak-lah terlebeh dahulu menyelesaikan urusan-nya dengan orang yang berhak dengan meminta maaf atau meminta halalkan atau mengembalikan apa yang harus di-kembalikan. Maka perlu-lah di-ketahui bahawa berhenti melakukan maksiat dan sa-terus-nya menyesali atas segala perbuatan yang terlanjor ini ada-lah di-anggap sa-bagai roh atau jiwa kapada amalan taubat yang kerana-nya akan segar-lah perhubongan orang yang bertaubat itu dengan Allah Taala.

Oleh itu mari-lah kita sentiasa bertaubat kapada Allah s.w.t. dengan membanyakkan istighfar serta pujian terhadap-Nya, maka mudah2an apa yang kita lakukan itu akan mendapat balasan dari Allah s.w.t. dengan di-jadikan kita sa-bagai kekaseh-Nya. Sesuai dengan hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*"Orang yang bertaubat itu ada-lah kekaseh Allah, dan orang yang bertaubat itu saperti orang yang tidak mempunyai dosa."*

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 12hb Mei, 1982 hingga ka-hari Selasa 18hb Mei, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini:—**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12hb Mei | 12.23 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.38 | 4.52 | 6.06 |
| 13hb Mei | 12.23 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.38 | 4.52 | 6.06 |
| 14hb Mei | 12.23 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.38 | 4.52 | 6.06 |
| 15hb Mei | 12.23 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.38 | 4.52 | 6.06 |
| 16hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 17hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 18hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Al-Kor'an menjamin kebahagiaan hidup

TEMBURONG. — Pegawai Ugama Kanan, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah berkata kitab suchi Al-Kor'an ia-lah salah satu pusaka peninggalan yang amat besar erti-nya kapada umat Islam.

Kerana pusaka ini, menurut-nya, mengandongi peratoran2 hidup yang menjadi sumber rujokan dan pegangan orang Islam.

"Orang2 Islam yang berpegang tegoh kapada ajaran2 Al-Kor'an di-jamin oleh Allah s.w.t. tidak akan sesat, malahan ia akan mendapat kebahagiaan hidup di-dunia dan akhirat," jelas Awang Haji Abu Bakar dalam uchapan alu2an-nya sa-jurus sa-belum Musabaqah Membacha Al-Kor'an orang2 dewasa perengkat Daerah Temburong bertempat di-kawasan Sekolah Melayu Puni baru2 ini.

Musabaqah yang di-ambil bahagian oleh tiga orang qari dan empat orang qariah itu telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh.

Sa-lanjut-nya Awang Haji Abu Bakar berkata kalau di-perhatikan dunia hari ini banyak gejala2 yang kurang sehat menjangkiti umat Islam. "Sa-hingga menyebabkan pertikaian dan perpechahan di-kalangan umat Islam sendiri," menurut-nya.

### NEGARA BAHAGIA

Hal ini terjadi, kata beliau ada-lah di-sebabkan kelalaian orang2 Islam dalam mengikuti ajaran2 Al-Kor'an dan ada pula sa-tengah2-nya chuba lari dari ajaran2 yang di-bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

"Jadi untok mengembalikan dan mengujudkan suasana yang baik, umat Islam perlu-lah kembali kapada hukum2 Allah yang di-bentangkan oleh Al-Kor'an dan ajaran2 Rasulullah yang sa-lama ini menjamin kebahagiaan hidup manusia. Kerana ajaran2 Al-Kor'an sahaja-lah yang dapat menguasai pertikaian2 burok yang sering melanda umat Islam," nasehat Awang Haji Abu Bakar.

"Demikian juga hal-nya dengan sa-sebuah negara," kata-nya sambil menjelaskan, "negara yang bahagia itu ia-lah negara yang sentiasa mengamalkan ajaran2 Al-Kor'an, berhukum dengan hukum2 Al-Kor'an dan berjalan di-atas dasar2 Al-Kor'an."

Dalam konteks ini, beliau telah memetik potongan ayat Al-Kor'an yang kira2 bermaksud: "Negara yang baik itu sentiasa mendapat pengampunan daripada Allah s.w.t." — J.A.L.

# Sifat pemurah sumber kebahagiaan

Di-riwayatkan di-dalam sa-buah kesah, bahawa Syedatuna Fatimah, isteri kapada Syedina Ali r.a. sangat2 berhajat untok memakan buah delima, kebetulan pada saat itu wang yang ada, kalau pun di-belikan buah delima tersebut hanya akan chukup untok mendapat sa-biji sahaja, sedangkan keperluan2 yang lain maseh memerlukan wang tersebut. Tetapi oleh kerana Syedatuna Fatimah benar2 hendak memakan buah tersebut, maka Syedina Ali r.a. tidak sampai hati untok menghampakan kemahuan isteri-nya itu lalu beliau pun pergi-lah ka-pasar untok membeli-nya dengan wang yang ada itu.

Di-dalam perjalanan pulang, Syedina Ali r.a. telah di-tahan oleh sa-orang peminta sedekah. Ia mengadukan hal diri-nya yang belum lagi makan dan tidak mempunyai apa2 untok mengisi perut-nya. Di-dalam keadaan demikian ada-lah jelas kapada kita bahawa Syedina Ali r.a. sedang menghadapi satu pertarongan jiwa yang hebat ia-itu sama ada ia memileh si-peminta sedekah yang kebulor itu atau pun isteri Baginda yang mendesak

*Bingkisan minggu ini*

kerana mahu memenohi keinginan-nya untok memakan buah delima tersebut.

Sa-sudah menjalani pertarongan di-dalam jiwa-nya, akhir-nya jiwa yang berseh itu sendiri bertindak menjadi hakim, dan telah membuat keputusan bahawa si-peminta sedekah yang kebulor itu ada-lah lebeh sesuai di-utamakan kerana ia lebeh berhajat untok mendapatkan makanan. Lantas dengan itu juga Syedina Ali r.a. pun memberikan buah delima itu kapada si-peminta sedekah dan kemudian beliau pun pulang ka-rumah-nya saperti biasa tanpa membawa apa2 tetapi dengan hati yang lapang. Sa-tiba beliau di-rumah, sa-bagai sa-orang suami yang jujor dan ikhlas, Syedina Ali r.a. pun memberitahu isteri-nya bahawa buah delima yang di-hajatkan-nya itu telah pun di-berikan-nya kapada sa-orang peminta sedekah yang sangat2 memerlukan-nya.

### MEMBAWA AMANAH

Di-rengkaskan kesah, tidak beberapa lama sa-lepas itu, tiba2 di-luar kedengaran ada orang memberi salam, Syedina Ali r.a. pun menyahut-nya dan di-dapati-nya orang yang memberi salam itu ada-lah sahabat Baginda Salman Al-Farisi, sahabat ini membawa amanah daripada orang yang tidak di-kenali-nya. Orang itu meminta kapada sahabat Salman Al-Farisi supaya menyampaikan kapada Syedina Ali r.a. sa-puloh biji buah delima. Alang-kah gembira-nya hati Syedina Ali r.a. dan sambil tersenyum beliau pun menerima amanah tersebut dengan penoh rasa keshukoran kapada Allah s.w.t.

Demikian-lah sa-chebis kesah yang mempamerkan bahawa sa-tiap perbuatan yang pemurah itu pasti akan menerima ganjaran balasan yang baik pula, sa-bagaimana Allah s.w.t. ada berfirman di-dalam surah Ar-Rahman ayat 60 kira2 bermaksud:

*"Tidak ada balasan terhadap kebaikan itu, melainkan dengan kebaikan pula".*

Berdalilkan kapada firman Allah tersebut, ada-lah jelas kapada kita bahawa ugama Allah (Islam) itu ada-lah satu ugama yang benar2 mementingkan keadilan dan ia-nya juga mendidek kita supaya sentiasa bersifat pemurah kerana sifat pemurah itu ada-lah unsor2 kebahagiaan hidup sa-seorang makhlok Allah yang benar2 bertakwa kapada-nya.

Sesunggoh-nya pembalasan daripada perbuatan baik yang kita lakukan itu kadang kala telah ternampak sa-waktu kita hidup di-dunia lagi, maka daripada pembalasan yang sa-demikian itu kita rasakan betapa nekmat-nya, hanya Allah sahaja yang mengetahui, maka bagaimana-kah pula dengan balasan yang akan di-terima di-akhirat kelak? Sa-sunggoh-nya tentu-lah jauh lebeh besar ganda-nya daripada yang kita terima di-dunia.

# BERSASTERA SA-BAGAI SATU IBADAH

Oleh: TIMBANG BAKAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesusasteraan sa-bagai salah satu chabang kesenian, sa-sunggoh-nya ada-lah manifestasi dari kehidupan, ia-itu uchapan atau tulisan terhasil dari tamaddun peradaban manusia, yang memenohi sharat2 etika dan estetika, menurut penilaian Islam. Kehidupan itu sendiri ada-lah di-chipta mengikut fitrah manusia.

Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka menjelaskan berhubong dengan perkara tersebut, menurut tanggapan Islam yang sa-benar, kata-nya, jelas berseni (meliputi bersastera) itu ada-lah satu ibadah, satu kegiatan yang di-usahakan oleh mereka yang di-anugerahkan bakat bersastera khusus kerana Allah. Sebab kata-nya lagi, tahap punchak-nya sa-iring dengan manusia2 lain, yang lain pula bakat-nya, untok membena peradaban dan kebudayaan di-atas bumi sesuai dengan petunjok Allah.

## PERANAN SASTERAWAN

Menyentoh mengenai peranan sasterawan, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu berkata tugas sasterawan atau aktivis budaya ada-lah memberi chontoh dan turut membena manusia2



Pengiran Badaruddin ketika memberikan penerangan dalam majlis tersebut.

mutaqqi yang senantiasa sedar tentang peranan mereka sa-tiap detik kapada Allah dan manusia serta sedia pula menjadi benteng kapada berbagai fahaman manusia yang bertentangan dengan pandangan hidup ala Tauhid.

"Di-samping itu peranan sasterawan sama saperti peranan Muslim2 yang lain, yang mempunyai keupayaan masing2, perlu menjadi penyelesai kapada berbagai masaalah hidup dan penyelamat kapada peradaban manusia sekarang yang sa-makin tebal tagar-nya dan pasti akan berakhir dengan kereputan."

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu menegaskan demikian dalam majlis perjumpaan di-antara penulis2 tanah ayer dengan Ahli2 Jawatankuasa Peraduan Penulisan Sempena Kemerdekaan 1983 anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei bertempat di-Bilek Kuliah jabatan tersebut pada 2hb. Mei lepas.

## KONSEP HIDUP

Pengiran Badaruddin sa-terus-nya menekankan bersastera tidak boleh menyimpang dari konsep chara hidup Islam, kerana bersastera itu sebagai satu chabang kehidupan yang wajib menurut fitrah manusia dan wajib menjadi alat kapada manusia untok-nya memainkan peranan sebagai khalifah di-muka bumi.

Pendek kata kata-nya lagi, hasil karya sastera sa-orang sasterawan Muslim yang baik pada hakikat-nya ada-lah hasil perlaksanaan ibadah dan penunaian tugas khalifah melalui sastera dengan menyeru supaya manusia mengikut jalan yang benar.

Menurut Pengiran Badaruddin, untok sa-orang sasterawan melaksanakan ibadah, dan menunaikan tugas khalifah ini tentu-lah memerlukan modal yang banyak dan tegoh, jiwa yang besar dan sentiasa mengingati peranan-nya dalam pengabdian kapada Allah. Tentu saja ia perlu bertolak dari tiga asas yang paling pokok ia-itu akidah, shariah dan akhlak, ujar-nya.

## MABOK RASA

Sa-terus-nya Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu menegaskan, seni sastera yang remeh temeh yang tidak bertonggakkan akhlak yang baik, yang hanya hanyut di-bawa arus kemabokkan rasa, yang hanya mudah di-luahkan untok sa-kadar memenohi panggilan nafsu atau sa-kadar mengisi keperluan indera di-luar kawalan, walau sa-indah mana sekalipun, tidak akan membawa rahmat dan munafaat apa2 sa-lain menebalkan lagi egoisme si-penchipta, kata-nya.

"Kegiatan dan hasil penulisan yang bertongakkan kemabokkan rasa sa-umpama itu akan hanyut dan akhir-nya luput. Hanya kebatilan yang menguasai karya2 begitu dan pengarang kemabokkan rasa begini hanya mensia2kan saja potensi dan daya chipta yang di-berikan oleh Allah kapada-nya," ujar Pengiran Badaruddin.

Dalam pada itu beliau menyarankan, akhlak ada-lah soal penting yang menjadi dasar dalam sebarang tindakan kita sebagai sasterawan atau aktivis budaya. "Hubongan manusia dengan Tuhan-nya di-tentukan oleh akhlak, begitu juga hubongan manusia dengan manusia dan makhlok2 yang lain," kata-nya.

Akhir-nya Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu menegaskan tujuan lain bersastera saperti mengejar nama atau menchari wang, memenohi panggilan rasa estetika sa-mata2 sebagai jalan pelarian dari kenyataan hidup dan sebagai-nya ada-lah di-anggap menyeleweng dan salah, kata-nya.



GAMBAR atas ia-lah Dayang Saadiah binte Haji Tuah wakil dari persatuan PERKASA yang telah berjaya menjadi johan qariah bagi belia2 yang di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan baru2 ini.

Gambar yang di-siarkan di-muka 15 dalam keluaran minggu lalu sebenar-nya ia-lah Dayang Norniah binte Sapian, wakil Pertubohan Perkumpolan Perempuan W.I. Chawangan Tutong yang mendapat tempat kedua.



Pengawal Pasokan Bomba, Awang Haji Yaakub menyampaikan sijil kapada salah sa-orang Penulong Pegawai Balai yang telah menamatkan latehan pada hari itu.

# Anggota bomba sentiasa terdedah kapada bahaya

Oleh: MANAF H.A.R.

MUARA. — Pekerjaan sa-bagai anggota bomba tidak ada tandingan-nya dan risiko-nya dalam menghadapi bahaya. Ia-nya sentiasa terdedah kapada bahaya samada dari bahaya keselamatan nyawa dan anggota tuboh badan atau pun dari segi kesihatan mereka.

Mengikut perangkaan yang telah di-buat, kebanyakan dari anggota bomba yang telah menamatkan perkhidmatan mereka telah di-dapati menghidap penyakit jantong atau paru2 yang mana puncha utama-nya ia-lah kerana mereka sentiasa terdedah pada asap2 carbon monoxide dan berachun yang terbit semasa kebakaran.

Ini telah di-nyatakan oleh Pengawal Pasokan Bomba Brunei, Awang Haji Yaakup bin Haji Mohd. Yusof di-upachara tamat latehan bagi sa-ramai 31 orang Penulong Pegawai Balai bagi skuad ke-6 dan ke-7 pada hari Selasa, 4hb. Mei di-Pusat Latehan Bomba di-sini.

"Di-SEAPAC Fire Conference yang kedua di-Singapura yang saya hadhiri baru2 ini, telah membentangkan beberapa kertas kerja yang mana salah satu-nya bertajok "Occupational Health and Safety Of Firemen' yang mana menerangkan dari beberapa badan kesihatan mendedahkan bahawa pekerjaan anggota bomba tidak ada tandingan dalam menghadapi bahaya kesihatan.

"Mengikut perangkaan kajian sa-banyak 80 peratus anggota2 bomba yang telah berhenti berkhidmat telah di-dapati menghidap 'heart and lung disease' atau penyakit jantung dan paru2 kerana mereka ini ada-lah terdedah pada asap2 carbon monoxide atau asap berachun," jelas beliau.

Bagaimanapun, tambah beliau, anggota2 bomba boleh terhindar dari masaalah2 ini jika mereka patoh dalam menggunakan alat khas yang di-mestikan dengan chara terator dan selamat apa-tah lagi anggota2 bomba memang di-lateh dan memerlukan sifat2 dedikasi, chergas dan chekap menggunakan pengetahuan ilmu kebombaan yang 'up to date'.

"Dalam pada itu harus juga Awang2 ingat sa-bagai seorang pegawai bomba harus juga mempelajari chara2 kepimpinan dan pentadbiran, kerana Awang2 akan bertanggong-jawab atas keselamatan anggota yang di-bawah jagaan Awang2 yang bukan saja semasa kebakaran tetapi juga waktu2 bekerja di-pejabat."

"Berjaya atau tidak Awang2 mentadbir, dalam satu2 panggilan kebakaran ada-lah terletak kapada Awang2 menggunakan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan Awang2 menjalankan tugas dan mentadbir anggota2 bawahan," ujar beliau.

Di-upachara pagi itu, Pengawal Pasokan Bomba juga telah menyampaikan sijil2 dan hadiah2 kapada anggota yang terbaik.

# Peraduan senifoto bagi sekolah2 menengah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran Brunei akan menganjorkan peraduan Seni Foto Kali Kedua bagi Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Negeri Brunei tahun 1982.

Peraduan ini terbuka kapada semua penuntut Sekolah Menengah dan Maktab2 Negeri Brunei termasok Sekolah Misi dan China.

Jabatan Pelajaran telah melantek Guru Besar, Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam, Bunut untok mempengerusi peraduan tersebut. Peraduan itu akan di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu: Bahagian 'A' ia-lah Gambar Hitam Puteh (Mono print) dan bahagian 'B' ia-lah Gambar2 Warna (Colour print).

Gambar2 hitam puteh yang akan di-pertandingkan hendak-lah di-ambil dan di-proses oleh penuntut2 itu sendiri. Sementara gambar2 berwarna hendak-lah di-ambil oleh penuntut itu sendiri dan boleh di-proses di-kedai tukang gambar. Gambar2 tersebut hendak-lah berukoran 8" × 10" (20.3 × 25.4 cm) dan tidak pernah di-pertandingkan dalam mana2 peraduan seni foto yang lalu.

Pengetua2 Sekolah yang berkenaan hendak-lah mengesahkan bahawa gambar yang di-peradukan itu ada-lah di-ambil oleh penuntut2 itu sendiri dan bagi pengesahan, pengetua2 hendak-lah menchap dengan mohor sekolah dan menurunkan tanda tangan di-belakang gambar tersebut. Gambar2 yang tidak di-chap dengan mohon sekolah dan tidak di-tanda tangani oleh Pengetua sekolah masing2 akan di-tolak. Gambar2 yang di-anggap luchah juga, tidak akan di-terima.

Kapada penuntut2 yang ingin menyertai peraduan ini boleh-lah mendapatkan borang penyertaan di-Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran dan borang2 hendak-lah di-kembalikan kapada Pengetua Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam Bunut.

Tarikh tutop bagi penerimaan gambar ia-lah pada hari Sabtu 31hb. Julai, 1982, gambar2 yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

## PEMBETULAN

Sa-baris ayat telah tertinggal dalam paragraf kedua sabda YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna di-bawah tajok 'PERKEP DI-SERU USAHAKAN AKTIVITI2 YG BERKEBAJIKAN' keluaran Pelita Brunei minggu lalu.

Ayat tersebut ia-lah **'fisikal, namun dalam segi**........................ dan hendak-lah di-bacha sa-lepas baris ke-14.

Dalam paragraf ke-sembilan hadiah terbaik yang pertama dalam keselurohan pameran itu di-sumbangkan oleh isteri Pesurohjaya Pulis, Pengiran Datin Hajjah Salmah.

Dalam paragraf ke-sebelas pula antara yang hadhir di-majlis tersebut ia-lah **YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.**

Kami menuntut maaf di-atas kesilapan yang tidak di-sengajakan itu — Penyunting.

## intisari RTB minggu ini

GAMBAR kanan kelihatan Y. B. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib kelihatan menerima chenderamata kenangan dari Pengarah RTB, sa-telah Yang Berhormat itu merasmikan Malam Pementasan sempena Jubli Perak Radio Brunei pada 2hb Mei yang lalu.

Pementasan itu telah di-siarkan langsong melalui radio dan talivishen dari Dewan Raya. Kakitangan dari tiga bahagian Perkhidmatan Radio telah menjayakan pementasan yang memakan masa lebeh dua jam itu. Gambar bawah kelihatan kakitangan tiga bahagian itu ketika mempersembahkan lagu pembukaan di-majlis pada malam itu.






## Radio minggu ini

# DEWASA-
# SA-BUA
# PENYIAR



KAMPONG Kuala Balai di-Daer bulon" atau "Sagu". Siri pertam perusahaan tersebut yang menggan lasak, penoh berdikari terhadap ke 1982 jam 8.32 malam.

## Sandiwara radio minggu ini:

# PADI DI-TUMBOHI LALANG

PADI DI-TUMBOHI LALANG, tajok sandiwara Radio Minggu Ini, tulisan Mohd. Hairol Azmi Brunei.

Kesah bermula dengan peristewa kemalangan, watak ibu yang malang itu bagaimana pun mendapat layanan dan perhatian yang baik dari sa-orang jururawat yang kemudian di-kenali-nya sa-bagai Rubiah, nama yang memeranjatkan dan membuatkan-nya terkenang akan masa silam.

Ibu ini merasa senang menchurahkan perasaan hati-nya pada Rubiah. Sebenar-nya fikiran-nya terganggu akibat kemahuan-nya sendiri. Kerana memikirkan masaalah rumah-tangga anak lelaki-nya yang tunggal. Atas desakan-nya sendiri Salim di-jodohkan dengan Tijah sa-pupu-nya sendiri.

Salim mengalah dalam hal ini, biar pun ia terpaksa berpisah dengan pilehan hati-nya sendiri. Walau pun Tijah isteri-nya itu anak bapa saudara-nya sendiri, sikap-nya ada-lah berlainan dari mereka, lantaran ia di-besarkan dalam keadaan mewah.

Kerana sikap sombong Tijah itu-lah tidak bersesuaian dengan ibu mertua-nya. Tijah bertindak saperti dia bukan sa-orang yang berasal dari kampong hingga menyinggong perasaan ibu Salim. Apa yang di-buat-nya, semua tidak kena pada pandangan Tijah.

Perselisehan Tijah dan suami-nya Salim semakin tegang dan bila Salim dan Salmah orang gaji mereka datang ka-rumah sakit, ibu Salim sangat gembira. Namun begitu keadaan berubah rupa bila Salim mengkhabarkan sesuatu kapada ibu-nya.

Apa-kah berita yang di-bawa oleh Salim itu? Mengapa-kah Tijah tidak bersama mereka? Dan siapakah Rubiah yang sebenar-nya? Untok kepastian-nya sila-lah para pendengar mengikuti siaran-nya pada hari Ahad 16hb. Mei. 1982 jam 10.30 pagi.

Ranchangan ini ada-lah terbitan Jamilah Abdullah.



PADA peminat2 ranchangan SELOKA MERPATI, awda mengikuti ranchangan ini pada hari Ahad 9hb Mei 1982 jam 2.30 petang dan hari Rabu 13hb Mei 1982 jam 1.30 petang dalam ranchangan yang ke-16. Dalam ranchangan ini dan seterus-nya ada di-antara penyanyi yang sudah pun bersama awda di-ranchangan2 yang lalu, tetapi lain hal-nya kali ini mereka akan bertukar pasangan. Lagu2 mereka juga ada di-antara-nya yang di-tukar aleh, dan ada sa-bahagian-nya yang belum pernah di-ketengahkan lagi di-ranchangan2 lalu. Kerana lain penyanyi lain pembawaan, dan sudah tentu-lah lain suara dan persembahan-nya. Minggu ini awda akan berkesempatan mendengar lagu2 dari persembahan Sahara Ahmad dan P. Samin. "Ah... ini bertemu-lah buku dengan ruas," kata salah sa-orang pendengar ketika rakaman di-buat pada awal bulan Februari 1982, apabila mendengar suara mereka menyanyikan lagu Terbuku di-kalbu. Mungkin suara mereka berdua ini benar2 sesuai. Bagaimana pula komen awda ? Sama2-lah kita nantikan siaran-nya.

## Pemilehan a

RADIO dan Talivishen Brun lagi menganjorkan perta nyanyian berchorak asli dan ke bertujuan untok menchungkil ba nyanyi tanah ayer. Di-samping tandingan ini juga d-harapkan a pat melahirkan kembali minat p veteran tanah ayer yang sudah dak kedengaran suara mereka mandang untok sama2 menyerta dingan ini.

Lebeh dari 100 orang pese pun mendaftarkan diri untok p an ini. Penyertaan yang paling tang-nya dari Daerah Brunei-M ikuti oleh Daerah Belait, Tu Temburong. Pemilehan awal p an Bintang Aslirama 1982 ini a mula mengikut tarikh2 yang di di-bawah ini:—

## Resepi minggu ini: TART

Bahan2-nya:—

9 oz (250g) tepong gandom (yang sudah di-ayak)
4 oz (100-125g) margarine atau mentega
1 biji telor ayam
2 oz (50g) gula halus
1 sudu makan jam

Untok isi-nya:—

3 oz (75g) mentega
2 biji telor ayam
1 oz (25g) tepong (shifted flour)
3 oz (75g) gula caster
2 oz (50g) serbok badam
2 sudu teh bijan.

Chara 1

1. Champorkan mentega atau mar dengan gula serta pukol hingga bang.
2. Champorkan telor yang sudah di- dan juga tepong serta gaul per lahan hingga sebati. Masokkan k lam peti sejok kira2 30 minit.
3. Keluarkan adunan dan chanai ki inchi tebal-nya dan potong sebes yang pembakar tart yang beruko inchi.

Chara 2

1. Pukol mentega dan gula hingga p

YA

N

SIAPA pun mengatakan bahawa Radio Brunei sudah chukop dewasa bila ia menjangkau usia 25 tahun pada 2hb Mei, 1982 yang lalu. Andai-nya di-ibaratkan sa-bagai manusia Radio Brunei sudah tentu tidak layak lagi bermain lumpur atau bermain pasir saperti kanak2. Radio sudah tidak layak lagi main2 kikek. Sapatah kata yang lebeh bererti bahawa Radio sudah tidak layak lagi menghasilkan karya2 penerbitan keanak-anakan. Kerana hari ini ia sudah dewasa. Matang berfikir bagaikan orang dewasa. Matang bertindak pun bagaikan orang dewasa. Dan sanggup memikul beban bagaikan orang dewasa. Tidak perlu lagi merengek menchari botol susu. Apa lagi kedewasaan Radio Brunei itu memang sudah di-asoh sa-dari damit. Dan para pendengar sudah menduga-duga sekarang ini akan sentiasa melihat hasil-kerja yang matang dari sa-orang yang sudah meningkat dewasa berusia 25 tahun.

Soal-nya, apa-kah Radio Brunei itu betul2 sudah menjadi sa-orang dewasa yang matang fikiran-nya? Terlalu awal kita membuat ramalan. Lebeh baik kita menaroh harapan kearah itu. Bagaimana pun dari apa yang telah di-tunjokkan oleh kakitangan Radio Brunei dalam 'stage show' Jubli Perak Radio di-malam 2hb. Mei, 1982 itu benar2 memboktikan kematangan persembahan mereka. Saya sebenarnya tidak ghairah malah tidak berminat untok memberi pujian kerana saya juga termasok dalam katigori 'baru matang' menurut istilah Radio Brunei itu. Tetapi dari apa yang di-dengar sesudah persembahan pentas yang bersejarah oleh kakitangan Radio Brunei di-malam Jubli Perak itu, ramai orang memberi 'tabek' malah ada yang terpaksa mengangkat topi atas persembahan di-malam Jubli Perak itu.

Sa-orang teman 'veteran' yang mengenakan pakaian sepasang baju Melayu di-malam itu mengulas, satu persembahan yang sunggoh2 berbeza dari persembahan2 yang pernah lahir di-pentas Dewan Raya RTB itu. Sejok dada saya mendengar-nya.

Sa-orang lagi penunton berpendapat, "Saya pernah melihat persembahan saperti ini menerusi kacha TV yang di-adakan di-Pesta Filem ASEAN di-Jakarta dan Kuala Lumpur." Saya merasa sedikit 'kembang'.

Kesimpulan-nya, jika orang mahu melihat apa-kah Radio Brunei itu dewasa atau tidak, pada hemat saya persembahan kakitangan Radio Brunei di-Malam Jubli Perak, yang berlangsong di-bawah bumbung Dewan Raya RTB itu ada-lah menjadi satu bokti yang terbuka untok mengukor dewasa atau tidak-nya Radio Brunei di-saat2 ia melangkah ka-gerbang usia sa-suku abad. Apa yang menjadi harapan kita ia-lah semoga Radio Brunei tidak hanya dewasa pada usia tetapi dewasa dalam sa-tiap segi terutama dewasa dalam bertindak dan dewasa dalam berfikir demi kepentingan bangsa, negara dan ugama.



...t telah di-kenali dengan perusahaan tradisi "Am-...changan perusahaan bumiputera mengketengahkan ... betapa kerja2 itu memerlukan orang yang tahan ...reka. Siri pertama siaran hari Jumaat 14hb Mei,




## KUIZ SAMBIL BERPANTUN

SA-BUAH lagi ranchangan tempatan yang merupakan Siri Baru keluaran Radio Talivishen Brunei tahun ini ia-lah KUIZ SAMBIL BERPANTUN khusus untok pelajar2 Sekolah Menengah yang sedang menuntut di-Tingkatan Empat hingga Tingkatan Enam Aliran Melayu dan Inggeris termasok Maktab Perguruan.

Kesemua pantun yang di-persoal-jawabkan dalam ranchangan ini berthemakan hiboran dan pengetahuan am.

Sa-banyak lapan buah soalan kuiz akan di-kemukakan pada sa-tiap ranchangan yang keselurohan-nya berunsorkan mata-pelajaran Sastera dan beberapa Chiri Kesusasteraan Melayu yang bertujuan untok meninggikan lagi mutu pengetahuan para pelajar di-bidang Kesusasteraan, di-samping menjadikan ranchangan ini sa-bagai satu persembahan hiboran yang akan dapat memupuk semangat perpaduan di-kalangan pelajar2 di-negeri ini.

Kuiz Sambil Berpantun akan dapat kita saksikan bersama melalui Talivishen Brunei pada tiap2 hari Jumaat mulai 14hb Mei, 1982 kira2 jam 8.30 malam.

## ...l Bintang Aslirama

JUMAAT — 14hb. Mei, 1982

TEMPAT: STUDIO 1 — Jam 9.00 pagi — bagi peserta2 dari Daerah Brunei/Muara. — Jam 2.00 petang — Bagi peserta2 dari Daerah Belait/Tutong dan Temburong.

SABTU — 15hb. Mei, 1982

TEMPAT: STUDIO 2 — Jam 7.00 malam — Bagi peserta2 dari Daerah Brunei/Muara.

Kapada peserta2 yang telah mendaftar tetapi belum menerima surat penggilan untok pemilehan pada tarikh2 yang telah di-tetapkan ada-lah di-minta untok menghubongi Penerbit Bintang Aslirama 1982 di-Tingkat 3 Bahagian Hiburan TV, dengan segera.

## ...ADAM

2. Masokkan telor satu persatu dan pukol lagi hingga kembang.
3. Champorkan tepong pada serbok badam dan champorkan ka-dalam adunan.
4. Sapukan sedikit jam pada permukaan pastry dan tuangkan kesemua adunan ka-dalam-nya.
5. Hiaskan permukaan tart dengan bijan dan potongan badam.
6. Bakar dengan kepanasan sederhana (250 darjah F) kira2 10 minit, kemudian kuatkan kepanasan-nya (360 darjah F) kira2 15 hingga 20 minit hingga masak.

# RANCHANGAN TVP DARI 17HB. HINGGA 23HB. MEI

### ISNIN — 17HB MEI

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 14 (July - December)
Siri ini mengajar chara2 menyebut bulan July hingga December dan di-isikan sa-buah lagu mengenai bulan2 January hingga December.
Di-Magic Pool Gani dan Jay Jay nampak perkataan2 yang bermula dengan huruf 'N'. Ranchangan di-akhiri dengan sa-buah cherita mengenai tiga orang budak nakal.

9.20 SAINS DI-SEKELILING KITA (Binatang Bertulang Belakang).
Gajah ada-lah binatang darat yang terbesar sekali di-dunia. Dalam kumpolan apa-kah binatang gajah ini ?
Apa-kah binatang bertulang belakang yang terbesar sekali di-dunia ?
Berapa kumpolan-kah binatang2 bertulang belakang di-bahagikan ?
Untok selanjut-nya ikuti-lah ranchangan ini nanti.

10.30 KAP KAP UDANG 608.
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, TUNJOK BENDA, AMIN, BERSENAM, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 608.

### SELASA — 18HB MEI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK LISTEN AND SPEAK 14 (July - December)

8.20 SIARAN ULANGAN SAINS DI-SEKELILING KITA (Binatang Bertulang Belakang).

10.30 KAP KAP UDANG 609.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERLAKUN, SI-MANIS, PENGGAMBARAN LUAR, BERSENAM, HALAMAN BELAJAR dan CHERMIN SAKTI.
HALAMAN BELAJAR, Che'gu Rokiah akan mengajar gambar2 yang bermula dengan huruf 'c' dan ejaan-nya sekali.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 609.

### RABU — 19HB MEI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK LISTEN AND SPEAK 14 (July - December)

8.20 SIARAN ULANGAN SAINS DI-SEKELILING KITA (Binatang Bertulang Belakang).

10.30 KAP KAP UDANG 610.
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, PETI SURAT, MENGATOR GAMBAR, PA' LONG, JIG-SAW dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 610.

### KHAMIS — 20HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 611.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, TUNJOK BENDA, AMINAH, MAIN BOLA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok CHERITA Che'gu Rokiah hari ini ia-lah BUAYA DENGAN KANCHIL.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 611.

### JUMAAT — 21HB MEI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERLAKUN, HALAMAN MENGAJAR, YANG MANA GANJIL, MAIN BAKUL, GAMBAR DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 22HB MEI

**PETANG**

10.30 KAP KAP UDANG 612.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, KERJA TANGAN, SI-MANIS, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

### AHAD — 23HB MEI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG.
Dalam rancrangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, AMINAH, YANG MANA GANJIL, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN :

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP2 HARI :

PAGI :

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |

TENGAHARI

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo) |

MALAM/TENGAHARI

| | |
|---|---|
| 1.30/1.00 | Majallah Brunei, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis) |

PETANG

| | |
|---|---|
| 6.00 | Siri Mukkaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib. |

MALAM

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bachaan Al-Kor'an |
| 10.24 | Do'a Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan |

## WARTA BERITA :

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita2 dalam dan luar negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengahari | |
| 1.30 tengahari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |
| 8.15 malam | (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban) |
| 9.30 malam | Berita Dunia dari BBC London. |

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## HARI RABU
### 12HB MEI

**PAGI :** 7.00 — Panduan Sokan, 7.30 — Sudut Pelita, 8.30—Taman Mekar (S.U.), 9.00 — Permintaan Pagi Rabu, 10.15—Rampaian Joget, 10.30—Rimba Raya, 10.45—Riang Ria, 11.00 — Dendang S. Mariam, 11.30 — Autograph Pendengar. **T/HARI :** 1.30 — Seloka Merpati (SU). **PETANG :** 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Chitra Irama, 3.15 — Hiboran Petang, 3.30—Gazal (SU), 4.00—Tinjauan, 4.15—Senandong Budaya, 4.30—Bangsawan Di-Udara, 5.00 — Serbanika Hiboran, 5.45 — Rampaian Asli; 6.15 — Bingkisan Hari Ini, 6.25 — Senandong Senja. **MALAM :** 7.00 — Rangkaian Lama dan Baru, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00—Belia Mewakili Zaman-nya, 9.45 — Kenangan Mengusik Jiwa.

## HARI KHAMIS
### 13HB MEI

**PAGI :** 8.30—Hiboran untok adek2 (SU) 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 —Pilehan Pendengar, 10.15 —Penglipor Lara, 10.30 — Rampaian London, 11.00 — Permintaan Suka Ramai. **T/HARI :** 1.30 — Chitra Wara (SU), **PETANG :** 2.00 — Keronchong, 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiboran Petang, 3.30—Rimba Raya (SU), 3.45—Instrumental Inggeris, 4.00—Sandiwara Radio (SU), 4.30—Majallah Ugama, 5.00—Lagu2 Berirama Gambus, 6.15 — Irama Dakwah, 6.25 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM :** 7.00 — Bachaan Surah Yassin, 7.15 — Lagu2 Berirama Gambus, 8.30 — Bimbingan Al-Kor'an, 9.00 — Tafsir Al-Kor'an, 9.45 — Hidayat.

## HARI JUMAAT
### 14HB MEI

**PAGI :** 8.30—Majallah Radio (SU), 9.00—Suara Gambus, 9.30—Tafsir Al-Koran, 10.15 — Soalan Di-Udara, 10.30 — Uji-lah Bahasa Kita, 11.00 — Lagu2 Asli, Zapin dan Gazal, 11.30—Bimbingan Al-Koran (SU). **T/HARI :** 12.00—Lagu2 Dakwah, 12.15—Bachaan Al-Koran, 12.30 — Siaran Langsong Menunaikan Sembahyang Jumaat, 1.15—Lagu2 Nashid, 1.45 —Lagu2 Padang Pasir. **PETANG:** 2.00—Lukisan Masharakat, 2.30 — Gema Keronchong, 3.15—Panduan Sokan, 3.20 — Apa Pendapat Awda/Hiboran, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di-Udara, 4.00—Surat dari London; 4.15—Hiboran, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15—Sayu dan Merdu, 5.45 — Tinjauan (SU), 6.15 — Lagu2 Dakwah, 6.25—Bingkisan Hari Ini. **MALAM :** 7.00—Cherpen dan Salokan, 8.30 — Perkahwinan Di-Brunei, 9.00 — Majallah Ugama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

## HARI SABTU
### 15HB MEI

**PAGI:** 8.30—Pelajaran Dewasa Di-udara, (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di-Udara (SU), 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampaisari, 11.30 — Hiboran Untok Adek2. **T/HARI :** 1.30 — Lagu2 Dari Filem, 1.45—Muzium Di-Udara **PETANG :** 2.00—Permintaan Hujong Minggu, 3.15—Apa Pendapat Awda/Hiboran (SU), 3.30—Cherpen dan Salokan (SU), 4.00—Mutiara Asli (SU), 4.30 — Fukas Radio, 5.00—Rangkaian Lama dan Baru, 5.45 — Senandong Senja, 6.15—Lagu2 Asli, 6.25 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM :** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.30 — Chitra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di-Udara (SU), 9.45 — Uji-lah Bahasa Kita (SU).

## HARI AHAD
### 16HB MEI

**PAGI :** 7.00 — Panduan Sokan, 7.30 — Intisari, 8.30 — Majallah Radio (SU), 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Suara Kugiran, 10.15 — Titian Budaya, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00—Mutiara Asli, 11.30 — Dunia Wanita. **T/HARI :** 12.00 — Tahniah dan Uchap Selamat, 12.30 — Hiboran untok awda, 1.00 Pertandingan Bintang Kecbil Radio 1982, Daerah Temburong. **PETANG :** 2.00—Perkahwinan Di-Brunei (SU), 2.30 — Seloka Merpati, 3.10 — Panduan Sokan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30—Majallah Sokan, 4.00—Chitra Wara, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Senandong Seloka, 5.45 — Hiboran Senja, 6.15 — Irama Dakwah, 6.25 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM :** 7.00 — Hiboran Ria, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Keronchong (SU), 9.45 — Di-Buang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama).

## HARI ISNIN
### 17HB MEI

**PAGI :** 8.30 — Serbanika Hiboran, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Berdendang Dengan-Ku, 10.30 — Sains dan Perusahaan, 11.00 — Permintaan Sukaramai. **T/HARI :** 1.30 — Senandong Seloka (SU). **PETANG :** 2.00 — Kenangan Mengusik Jiwa (SU), 2.30 — Hiboran, 3.15 — Rampaian Joget, 3.30 — Mari Berpantun, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 5.00 — Pilehan Juruhebah, 5.45 — Lagu2 Rampaian, 6.15 — Senandong Senja, 6.26 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM :** 7.00 —Senandong Ria, 8.30 — Ku Tujukan Lagu, 9.45 — Langgam Suara.

## HARI SELASA
### 18HB MEI

**PAGI :** 8.00—Suara Parajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Permintaan Kaum Wanita, 10.15—Lagu2 Berirama Hindustan, 10.30 — Rampaian London, 10.45 — Lagu2 Hiboran, 11.00—Autograph Pendengar (SU), 11.30—Gazal. **T/HARI:** 1.30—Lukisan Masharakat (SU). **PETANG :** 2.00—Ku Sampaikan Salam, 3.15—Gema Silam, 3.30—Suara Kugiran (SU), 4.00—Gema Keronchong (SU), 4.30—Varia Peristiwa, 5.15—Sayu dan Merdu, 5:45 — Senandong Senja, 6.15 — Lagu2 Dakwab, 6.25—Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00—Fukas Radio (SU), 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00—Ruangan Ketani (SU), 9.45 — Muzium Di-Udara (SU).

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION FROM 12TH — 18TH MAY 1982

### EVENING

### Wednesday

MUSIC NIGHT

| | |
|---|---|
| 8.00 | Easy listening music |
| 8.45 | Light orchestra music |
| 9.30 | Classical Music. |

### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.45 | Perspective. The question of Palestine : Some non-governmental views. |
| 9.00 | Rock line |
| 9.30 | Story time : The 'Old Wife's Tale' by Neville Teller. Episode 3. |

### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hits In Germany |
| 8.45 | Animal, Vegetable or Mineral (repeat). |
| 9.30 | Top Of The Pops. |

### Monday

| | |
|---|---|
| 8.00 | This Is My Song (repeat) |
| 8.45 | Up The Belait Without A Paddle. |
| 9.30 | Thirty-Minute Theatre : "A Very Good Piece Of Work" by Antonia Skarmeta. |

### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You |
| 9.30 | Stereo Pop Special — Yellow Magic Orchestra Side 2. |

### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 7.00 | BBC and Local News |
| 7.15 | Musical Hour |
| 8.15 | Radio Newsreel |
| 11.00 | Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays. |
| 12.00 | Lunch Break until 1.30 — except holidays |

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.30 | Radio Newsreel |
| 9.15 | News. |

### HOLIDAYS — Friday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Battle of Words : St. George vs. St. Michael's (Lower). |
| 11.30 | Children's Half Hour |
| 12.00 | Soundtrack of The Sixties |
| 12.45 | My Music |
| 1.15 | What Fascinates Me by Linda Chadd |
| 8.00 | The World of Books |
| 8.45 | International Money Programme |
| 9.00 | Strictly Instrumental — featuring—'Claus Wunderlich' |
| 9.30 | Sweet and Stylish. |

### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Practical World |
| 11.15 | This Is My Song |
| 11.45 | London This Week |
| 12.00 | Animal, Vegetable or Mineral |
| 12.45 | Interlude for Music with Paul Mauriat |

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Battle of Words — St. Andrew's vs. St. James's (Upper). |
| 8.15 | English Examined |
| 8.45 | Lifelines in Medicine |
| 9.30 | Drama : The Nine Tailors" by Dorothy L. Sayers — Lord Peter investigates the Discovery of a body in someone else's grave. |




# BRUNEI DI-IBARATKAN "LADA PADI"

GADONG. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Masri menegaskan bahawa sunggohpun Brunei sa-buah negeri yang kechil tetapi negara2 luar menganggap ia sa-bagai 'lada padi' terutama di-bidang2 sokan antarabangsa.

"Semua orang mengetahui yang lada itu pedas. Brunei, walau pun sa-buah negeri yang kechil, boleh-lah di-ibaratkan 'lada padi'," ujar-nya.

Bokti-nya, kata Yang Berhormat Pehin, kedudokan Pasokan Kebangsaan Bolasepak Brunei dalam siri Piala Malaysia tahun ini ada-lah bertambah baik dan tinggi mutu-nya, manakala dalam tahun 1980 Pasokan Bolasepak Brunei telah mendudoki tempat ketiga bersama dengan Pasokan Repablik Singapura dalam Perlawanan Bolasepak Antarabangsa bagi pemain2 yang berumor 16 tahun kebawah, dan dalam tahun berikut-nya pasokan kita juga mendapat tempat ketiga dalam perlawanan yang sama.

Demikian di-jelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd. Salleh ketika merasmikan kejohanan olahraga antara jabatan2 kerajaan dan firma2 sa-negeri yang julong2 kali di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan pada 2hb. Mei lalu di-Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong.

Menyentoh mengenai dengan kejohanan tersebut, YB menambah kata ia-nya antara lain bertujuan untok menchari peserta yang mempunyai bakat yang dapat di-ketengahkan dan di-beri bimbingan dan latehan2 yang tertentu, dengan harapan, melayakkan mereka untok mengambil bahagian dalam kesokanan antarabangsa.

"Saya perchaya sokan ini hanya dapat di-ungkayahkan dengan ada-nya kerjasama dan perpaduan dari semua pehak yang terlibat kerana kerja2 untok menguruskan hampir seribu perserta itu ada-lah berat," jelas-nya lagi.

Terdahulu dari itu Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan yang juga sa-laku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi sokan antara jabatan2 kerajaan dan firma seluroh negeri Brunei dalam uchapan alu2an-nya antara lain mengatakan tujuan mengadakan sokan antara jabatan2 kerajaan dan firma2 ia-lah untok mengembangkan dan mengeratkan lagi semangat perpaduan dan bersatu padu di-antara ketua2 jabatan kerajaan, pegawai2 dan kakitangan2 serta peserta2 yang mewakili firma2.

Sa-lain dari itu, jelas Yang Berhormat, sokan ini juga akan dapat mempertinggikan prestasi dan performance olahragawan dan olahragawati yang mempunyai bakat yang boleh di-ketengahkan untok di-asoh dan di-lateh supaya meninggikan lagi kebolehan mereka dan akan dapat bertanding di-perengkat nasional dan juga di-pertandingan di-luar negeri.

Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan berasa kagum atas sambutan dan penyertaan yang begitu memuaskan dan berharap perkara ini akan berterusan, ujar-nya lagi. — MHM.



YB Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd. Salleh ketika merasmikan kejohanan olahraga antara jabatan2 kerajaan dan firma2.

## Brunei sertai Kejohanan Sepak Takraw M'sia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan menyertai Kejohanan Sepak Takraw Malaysia yang akan di-langsongkan di-Stadium Negara, Kuala Lumpur dari 27hb. hingga 31hb. Mei ini.

Awang Haji Tuah bin Noordin, Setiausaha Agong Persatuan Sepak Takraw berkata, kejohanan tersebut akan di-sertai oleh sa-ramai 16 buah negeri termasok negeri2 di-Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei.

Menurut beliau, bagi menghadapi kejohanan itu, persatuan Sepak Takraw Brunei telah pun memileh sa-ramai 12 orang pemain kebangsaan.

Mereka yang telah di-pileh itu ia-lah Awang Rahim bin Omar, Ak. Ibnu bin Pengiran Duraman, Awang Karim @Zainal bin Rajak, Awang Aji bin Othman, Awang Md. Said bin Bakar, Awang Jali bin Munap, Awang Zulkifli bin Tengah, Awang Zaini bin Maidin, Awang Laji bin Haji Ibrahim, Awang Damit bin Sulaiman, Awang Md. Salleh bin Kahar dan Awang Mohin bin Jaafar.

Untok menguji kemampuan pemain kebangsaan itu, beliau berkata satu perlawanan persahabatan dalam negeri dengan pasokan sepak takraw dari Kuala Belait telah di-langsongkan pada hari Jumaat yang lepas.

Menyentoh mengenai dengan kemampuan pasokan Brunei di-kejohanan itu, Awang Haji Tuah menjelaskan yang harapan pasokan kita ada-lah cherah memandangkan latehan2 yang begitu intensif telah di-jalankan oleh sa-tiap pemain2 yang telah di-pileh.

"Oleh itu kita berharap dan berdoa semoga pasokan kita akan beroleh dan menchapai kejayaan di-kejohanan itu nanti bagi mengharumkan lagi negara kita di-bidang sokan antarabangsa terutama di-arena sepak takraw di-Asia Tenggara ini," ujar beliau dengan penoh harapan.

Rombongan pemain2 Brunei itu di-jangka akan bertolak ka-Kuala Lumpur pada hari Selasa 25hb. Mei. — J.I.

## Kursus Ujian Daya Jasmani bermula esok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus ulangkaji Ujian Daya Jasmani bagi guru2 di-seluroh negeri Brunei akan bermula esok 13hb. Mei.

Awang Haji Tuan bin Noordin, Penolong Penyusun Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran memberitahu yang kursus tersebut di-jalankan di-seluroh negeri mengikut tarikh2 yang telah di-tetapkan.

Kata-nya, kursus ulangkaji sa-umpama itu di-jalankan ada-lah sa-bagai persiapan guru2 di-negeri ini sa-belum Ujian Daya Jasmani di-jalankan ka-atas penuntut2 sekolah2 dan maktab2 yang di-jangka akan di-adakan pada 1hb. Ogos.

Pada hari tersebut, kata-nya lagi, guru2 dari Daerah Belait akan menjalankan Ujian Daya Jasmani bertempat di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam Seria yang bermula dari jam 2.00 hingga 4.00 petang. Kursus ini akan di-sertai oleh sa-ramai 26 orang guru2.

Bertempat di-Dewan Ria, Pekan Bangar, Temburong, kursus itu akan di-adakan pada hari Sabtu 15hb. Mei dari jam 9.00 hingga 10.00 pagi dan akan di-sertai oleh sa-ramai 10 orang guru.

Sementara bagi Daerah Tutong pula, sa-ramai 20 orang guru akan menjalani kursus tersebut bertempat di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim pada hari Isnin 17hb. Mei dari jam 2.00 hingga 4.00 petang.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, kursus sa-umpama itu akan di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah SMJA di-ibu negeri di-sini. Kursus ini akan di-sertai oleh sa-ramai 88 orang guru dan akan di-bahagikan kapada dua kumpolan ia-itu Kumpolan Pertama yang mengandongi sa-ramai 44 orang akan menjalani latehan dari jam 9.00 hingga 11.00 pagi. Sementara kumpolan kedua yang mengandongi jumlah yang sama akan menjalani-nya dari jam 2.00 hingga 4.00 petang.

Awang Haji Tuah berkata, kursus yang di-adakan di-tiap2 daerah itu akan di-sertai oleh sa-ramai 144 orang guru dari sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini. — J.I.

## Lumba jalan-kaki

KUALA BELAIT. — Kelab Ria Kuala Belait akan menganjorkan perlumbaan jalan-kaki jarak jauh dari Arena Seria ka-Padang KBRC di-Kuala Belait pada 16hb. Mei. Perlumbaan itu terbuka kapada orang ramai dan akan di-bahagikan kapada tiga bahagian.

Bahagian lelaki berumor antara 18 dan 40 tahun: lelaki berumor ka-atas 41 tahun dan perempuan berumor 12 tahun ka-atas.

Borang2 penyertaan boleh di-perolehi dari kerani kelab tersebut, dan hendak-lah di-kembalikan se-berapa segera. — J.I.

## Jabatan Pelajaran memenangi Piala Aziz

GADONG. — Jabatan Pelajaran telah di-ishtiharkan sa-bagai johan keselurohan di-kejohanan olahraga antara jabatan2 Kerajaan dan firma2 seluroh negeri yang telah di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah di-sini baru2 ini.

Dalam kejohanan julong2 kali-nya di-adakan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan itu, jabatan tersebut telah memungut 98 mata.

Dengan kemenangan itu, Jabatan Pelajaran memenangi 'Piala Aziz' yang di-sumbangkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar.

Tempat kedua di-menangi oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang memungut 78 mata, ketiga Jabatan Kerja Raya dengan 53 mata dan pemenang ke-empat ia-lah Jabatan Radio dan Talivishen dengan memungut 48 mata.

Sa-ramai 900 orang peserta lelaki dan perempuan dari 52 buah jabatan2 kerajaan dan firma2 di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam 38 achara yang di-pertandingkan di-kejohanan terebut.

Dari jumlah 38 achara yang di-pertandingkan, sa-banyak lima achara trek dan padang ada-lah di-pertandingkan bagi ketua2, timbalan2 dan penolong2 ketua jabatan dan pengurus2 firma ia-itu dalam lari 200 meter, 400 meter, lompat jauh, buang peluru dan lumba jalan-kaki.

Dalam achara 200 meter, tempat pertama telah di-menangi oleh Awang Abd. Wahid bin Md. Salleh dari Jabatan Pelajaran, kedua Awang Abd. Wahab bin Haji Md. Said dan ketiga ia-lah Pengiran Maidin bin Pengiran Hashim.

Sementara dalam bahagian lari 400 meter pula, Awang Ibrahim bin Haji Ali dari Jabatan Kerja Raya memenangi tempat pertama, kedua ia-lah Awang Abdul Wahid bin Md. Salleh dan pemenang ketiga jatoh kapada Awang Abdul Wahab bin Md. Said.

Awang Abdul Wahab bin Haji Md. Said dari Jabatan Penjara telah menjadi johan dalam bahagian lompat jauh, kedua Awang Abdul Wahid bin Haji Salleh dari Pelajaran dan ketiga ia-lah Awang Lim Lam Keong dari Jabatan Kerja Raya.

Dalam achara buang peluru pula, tempat pertama di-menangi oleh Awang Christ Startford dari Jabatan Peranchang Bandar dan Negara, kedua yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Shahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz dari Jabatan Kastam dan Eksais dan ketiga ia-lah Awang Alimin bin Haji Abd. Wahab dari RTB.

Awang Md. Yunos bin Noh dari Jabatan Ukor telah munchol sa-bagi juara dalam bahagian lumba jalan-kaki sa-banyak empat pusingan, kedua Awang Adbul Wahab bin Md. Said dari Jabatan Penjara dan Ketiga Awang Ibrahim bin Haji Mat Yassin dari Jabatan Peranchang Bandar dan Negera.

Hadiah2 kapada pemenang2 di-akhir pertandingan telah di-sampaikan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Md. Salleh bin Haji Masri, ahli Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang juga telah merasmikan kejohanan tersebut.



Gambar atas menunjokan ketika achara lumba jalan-kaki antara ketua2, timbalan2 dan penolong2 ketua jabatan serta pengurus2 firma di-jalankan.

## Jadual sokan bagi bulan Mei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran mengumomkan jadual2 sokan dan olahraga ia-itu saperti perlawanan bolasepak, hoki, bolatampar, sokan tahunan dan uji daya jasmani bagi bulan Mei tahun ini.

Perlawanan bolatampar antara sekolah2 menengah dan atas perengkat sa-negeri Brunei akan di-adakan pada hari ini. Sementara itu pada esok 13hb. Mei pula, kursus ujian daya jasmani bagi guru2 di-mulakan.

Pada hari Sabtu 17hb. Mei, perlawanan akhir bolasepak sekolah2 champoran daerah yang berumor 13 tahun kebawah akan di-langsongkan. Manakala perlawanan akhir bolasepak bagi sekolah2 champoran daerah yang berumor 16 tahun kebawah akan di-jalankan pada hari Ahad 18hb. Mei.

Untok menentukan sekolah mana-kah yang berjaya menjadi johan bolasepak yang berumor 18 tahun kebawah, perlawanan akhir-nya akan di-langsongkan pada hari Rabu 19hb. Mei. Tempat perlawanan akan di-umomkan.

Perlawanan akhir hoki bagi sekolah2 menengah bawah sa-negeri bagi perempuan "A" dan "B" akan di-jalankan pada hari Isnin 24hb. Mei. Manakala perlawanan hoki bagi lelaki "A" dan "B" di-perengakat sekolah2 menengah bawah akan di-langsongkan pada hari berikut-nya ia-itu 25hb. Mei.

Perlawanan akhir hoki bagi sekolah2 menengah atas lelaki dan perempuan akan di-langsongkan di-satu tempat yang akan di-umomkan kemudian. — J.I.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEGAWAI ASRAMA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah untok di-lantek sa-bagai PEGAWAI ASRAMA di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan berikut:—

i) Sijil Rendah Pelajaran Ugama, Brunei.

ii) Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa dengan mendapat kelulusan 4 mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

iii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dengan lulus mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun dan mempunyai pengalaman dalam kerja2 mengawal penuntut di-asrama.

c) Hendak-lah tahu menulis dan membacha Jawi.

d) Henlak-lah pandai membacha Kor'an dengan baik.

e) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman dalam mengawal penuntut2 di-asrama boleh-lah di-pertimbangkan.

**'Am-nya :**

Chalon2 yang berjaya untok memenohi jawatan tersebut hendak-lah bersedia berkhidmat di-mana2 daerah di-negeri ini.

**Tangga Gaji :**

D. 3-4 EB. 5-6 — $720-1410 sa-bulan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb Jun, 1982.

(E/1257/75—Bil: 126/1982)

## Royal Brunei

FLY WITH FRIENDS

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi mengisikan kerja2 kosong di-Sharikat Penerbangan Diraja Brunei.

**Di-Bahagian Customer Services**

TRAFFIC SERVICEMAN/DRIVER

Tugas2 termasok memandu kenderaan2 RBA di-dalam lapangan terbang bagi kerja2 punggah memunggah sa-belum dan sa-lepas penerbangan.

Kelayakan2 : Mempunyai lesen memandu kelas 3 dan boleh memahami bahasa Inggeris asas.

Gaji dalam lingkongan $395-$620 sa-bulan dan masa bekerja ia-lah sa-chara bergilir-gilir.

TRAFFIC AGENT

Tugas2 termasok membuat pemereksaan masok kapada penumpang2, kerja2 kertas penerbangan dan kerja2 melayan dan mengiring penumpang2 di-masa sa-belum dan sa-lepas penerbangan2.

Kelayakan2 : Sekurang2-nya belajar di-tingkatan 5 perengkat 'O' dan mempunyai taraf kebaikan dalam bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Ilmu Alam.

Gaji dalam lingkongan $585-$750 sa-bulan dan masa bekerja ia-lah sachara bergilir-gilir.

**Di-Bahagian Kejuruteraan**

KERANI-JURUTAIP

Tugas2 ia-lah menaip, menyusun dan kerja2 am kerani.

Kelayakan2 : Mempunyai taraf kebaikan dalam bahasa Inggeris dan boleh menaip apa yang di-suroh dengan baik-nya.

Gaji dalam lingkongan $485-750 sa-bulan.

PENOLONG PEMANDU/PENCHUCHI

Tugas2 ia-lah memandu kenderaan RBA, punggah memunggah, menchuchi Workshop2, Opis2 dan di-mana2 yang di-kehendaki.

Kelayakan2 : Mempunyai lesen memandu kelas 3, boleh memahami bahasa Inggeris asas dan mempunyai kesihatan yang baik.

Gaji dalam lingkongan $485-750 sa-bulan.

PENJAGA SETOR

Tugas2 termasok berkira dengan resit2 akuan tentang tempahan2, barang2 kapal terbang/perniagaan dan mengeluarkan resit2 penerimaan barang2 dan kerja2 am setor.

Kelayakan2 : Lulus Ilmu Hisab dan bahasa Inggeris di-perengkat 'O' dan mempunyai pengalaman di-bidang yang sama.

Gaji dalam lingkongan $485-750 sa-bulan.

KERANI PEMBEKALAN

Tugas2 termasok menyusun tempahan pembelian luar dan dalam negeri, menchetit, failing dan kerja2 am pembekalan.

Kelayakan2 : Lulus Ilmu Hisab dan bahasa Inggeris perengkat 'O' dan satu tahun pengalaman dalam bidang yang sama.

Gaji dalam lingkongan $485-750 sa-bulan.

PENJAGA SETOR TERLATEH

Tugas2 ia-lah di-lateh untok menjadi Penjaga Setor di-dalam kerja2 setor harian.

Kelayakan2: Mempunyai taraf kebaikan dalam bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab dan mempunyai pengalaman dalam bidang Setor Teknikal Kejuruteraan ada-lah satu kelebehan.

Gaji dalam lingkongan $395-$620 sa-bulan.

**Di-Bahagian Komputer**

KOMPUTER OPERATOR KANAN

Tugas2 termasok berhubong dengan pejabat2 kerajaan dan steshen2 luar di-dalam kira2 pengendalian komputer dan menyelia Operator2 komputer yang lain.

Kelayakan2 : Mempunyai pengalaman dalam menggunakan COBOL dalam mesin ICL, pengetahuan yang dalam tentang ME29, Sistem Operation dan kegunaan ICL, pengalaman di-bidang perhubongan dan menggunakan alat 7502 terminal atau mempunyai kelulusan yang sebanding dengan-nya.

Gaji dalam lingkongan $1675-$2620 sa-bulan.

Di-samping gaji pokok bulanan, kemudahan2 saperti tambang perchuma tahunan, tambang murah, skim bunos dan alaun, chuti tahunan dan lain2 kemudahan penerbangan akan juga di-beri. Di-mana pekerjaan yang menggunakan sistem bergilir, alaun giliran akan juga di-berikan.

Permohonan2 mesti-lah di-buat sa-chara bertulis di-dalam bahasa Inggeris dengan memberikan butir2 keterangan pemohon dan mesti-lah di-kembarkan dengan salinan2 sijil dan surat akuan yang sah dan di-alamatkan kapada:

Penolong Pengurus Kakitangan
Bahagian Pengambilan
Penerbangan Diraja Brunei
Peti Surat 737
Bandar Seri Begawan
Brunei

tidak lewat dari 21hb Mei 1982.

## Education Department, Brunei Technical Training Courses 1982

